



● BIL 307 ● 28 MAC - 3 APRIL 2025 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my



MENGUCAPKAN

*Salam
Aidilfitri*

Maaf Zahir & Batin

Aidilfitri dirai. **Keselamatan usah dikompromi** ▶ 2-3

48 premis terbiar
sekitar KL
>> 7

Tradisi balik
kampung subur
>> 16

Beri impak,
perspektif negatif
>> 22

Ibu bapa diminta pantau pergerakan anak-anak

46 LOKASI BLACKSPOT - JSPT

LAPORAN: DIANA AMIR, AINI MAWAWI, AZLAN ZAMBRY & METRA SYAHRIL MOHAMED

SEJUMLAH 46 lokasi *blackspot* dikenal pasti di lebuh raya utama iaitu kawasan yang kerap berlaku kemalangan jalan raya.

Demikian amaran berhati-hati dikeluarkan Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Bukit Aman kepada pengguna jalan raya khususnya bagi mereka yang pulang ke kampung termasuk keluar berhari raya.

Dalam pada itu, 76 lokasi *blackspot* pula dikenal pasti melibatkan jalan Persekutuan, jalan negeri, jalan bandaran dan lain-lain jalan.

Antara kawasan *blackspot* adalah di Jalan Kuching, Lebuhraya DUKE, Lebuhraya MRR2, Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban, Jalan Cheras, Lebuhraya Besraya dan Jalan Ipoh.

Lokasi lain, Jalan Kepong, Jalan Loke Yew, Jalan Syed Putra, Jalan Tun Razak, Lebuhraya MEX, Lebuhraya Sprint, Lebuhraya SUKE, Lebuhraya LDP, Persiaran Kewajipan dan Johor Bahru Selatan.

Pengarah JSPT Bukit Aman, **Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri** berkata antara laluan *blackspot* yang sering mencatatkan kemalangan maut adalah di Kilometer (KM) 31 Pekan Semenyih (Selangor) dan Jalan Kuching (Kuala Lumpur).

Begitu juga katanya di Jalan Alor

Setar-Butterworth, Jalan Lencongan Timur, Jalan Gurun-Kepala Batas dan Jalan Sungai Petani-Baling.

Jelasnya di Selangor, antara lokasi *blackspot* adalah Jalan Sungai Buloh-Jalan Kuala Selangor, KM41-KM58 Teluk Intan-Klang, Pekan Kuala Selangor, Pekan Tanjung Karang dan Jalan Kuala Selangor-Rawang.

“Selain itu, di Lebuhraya Persekutuan, Lebuhraya LKSA, Persiaran Tengku Ampuan Rahimah, Jalan Pelabuhan Barat dan Pekan Kapar (Jalan Klang-Teluk Intan).

“Lain-lainnya di Jalan Sepang-Sungai Pelek, Jalan Sepang-Salak, Lebuhraya KLIA Extension, KM12-KM31 Jalan Klang-Banting-Port Dickson serta Lebuhraya SKVE,” katanya kepada Wilayahku.

Beliau menambah pihaknya juga mengenal pasti lokasi *blackspot* di Bulatan Batang Kali (jalan lama Kuala Lumpur-Ipoh), Jalan LTSAAAS dan Jalan Ampang-Kuala Lumpur.

Katanya seramai 7,000 pegawai dan anggota JSPT akan ditugaskan dalam Op Selamat sempena perayaan Aidilfitri ini.

Jelas beliau sejumlah 2.2 juta kenderaan dijangka menggunakan lebuh raya utama di seluruh negara sempena cuti perayaan itu.

Dalam pada itu, beliau



MOHD YUSRI



ANGGOTA polis mengawal lalu lintas bagi memastikan kelancaran trafik di ibu negara khususnya musim perayaan.

menekankan kepada ibu bapa terhadap pemantauan serta penegasan aspek keselamatan kanak-kanak dan remaja yang didapati memandu kenderaan atau menunggang motosikal tanpa lesen.

Sepanjang musim perayaan tahun lepas katanya sebanyak 545 saman dikeluarkan terhadap golongan itu mengikut Seksyen 26(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (kesalahan tiada lesen memandu).

Katanya satu saman dikeluarkan kepada mereka yang berusia 12 tahun diikuti lapan saman (remaja 13

tahun); 37 saman (remaja 14 tahun); 90 saman (remaja 15 tahun); 179 saman (remaja 16 tahun) dan 230 saman (remaja berusia 17 tahun).

Ditanya mengenai jumlah saman ketika Op Selamat sempena Aidilfitri 2023 dan tahun lalu, katanya ia mencatatkan peningkatan ketara melibatkan 355 jenis kesalahan.

“Bagi Op Selamat sempena Aidilfitri 2023, sejumlah 56,805 saman dikeluarkan dan ia meningkat kepada 120,713 saman pada tahun lalu.

“Daripada jumlah itu, 35,841

saman belum dijelaskan pada 2023 manakala 94,964 saman belum dijelaskan pada tahun lalu,” katanya.

Mohd Yusri berkata pihaknya juga melakukan pemantauan udara dengan bantuan Pasukan Gerakan Udara (PGU) bagi mengawasi kesesakan lalu lintas.

Katanya operasi turut membabitkan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM); Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela). 📧

Titik berat aspek keselamatan rumah

MENJELANG Aidilfitri, pastinya perantau khususnya warga kota sudah memulakan perjalanan pulang ke kampung halaman.

Namun dalam kegembiraan menyambut lebaran, orang ramai dinasihatkan untuk menitikberatkan aspek keselamatan.

Norhidayah Termizi, 29, berkata kebiasaannya dia akan memberitahu jiran-jiran berhampiran yang tidak pulang ke kampung mengenai ketiadaannya.

“Alhamdulillah setakat ini kawasan kejiranan saya selamat dan pentingnya ada hubungan baik dengan jiran untuk kita maklumkan mereka sepanjang ketiadaan kita.

“Ia bukan sahaja untuk elak kes kecurian tetapi penting sekiranya berlaku apa-apa di kawasan



NORHIDAYAH



AZLEE

perumahan seperti banjir atau kebakaran,” katanya yang menetap di Setapak.

Norhidayah berkata tinggal berjauhan dengan ibu bapa membuatkan dia perlu bertanggungjawab di atas keselamatan diri termasuk kediaman.

“Pesanan saya kepada mereka yang pulang ke kampung adalah pastikan pintu pagar dikunci dengan baik dan tutup punca kuasa elektrik bagi mengelakkan berlaku litar pintas. Hati-hati ketika memandu kerana ia mampu menyelamatkan nyawa sendiri dan orang lain,” katanya.

Berkongsi pandangan sama, **Muhammad Azlee**

Mohd Ismail, 36, berkata dia akan berjumpa dengan jiran-jiran yang tidak pulang ke kampung untuk meminta mereka ‘tengokkan’ rumah

kerana ini perkara biasa di kawasan perumahannya.

“Setakat ini tiada apa-apa kes kecurian dilaporkan dan kita juga ada Rukun Tetangga yang akan membantu memantau rumah, ini antara perkara yang bagus apabila duduk di kawasan kejiranan yang baik dan harmoni.

“Pastikan tingkap dan pintu dikunci dengan baik dan kita sebagai orang Islam boleh praktikkan sebelum keluar baca doa terlebih dahulu memohon perlindungan. Selain itu, beritahu jiran atau balai polis berhampiran untuk *extra safety* dan selepas itu boleh pulang dengan gembira,” katanya.

Sementara itu, **Siti Zuraidah Ahmad Termizi**, 34, berkata sebelum meninggalkan rumah, adalah penting untuk memastikan gas, elektrik dan suis utama ditutup terlebih dahulu.



SITI ZURAIDAH



SHUHAIMI

“Kebiasaan suami akan periksa sekiranya suis-suis utama, gas dan air telah ditutup dan dia juga merupakan individu terakhir keluar rumah untuk pastikan pintu pagar dikunci dengan elok.

“Selain maklumkan kepada jiran, kini kita mempunyai teknologi seperti kamera litar tertutup (CCTV) di mana lebih mudah untuk kita pantau melalui telefon bimbit. CCTV juga akan beri notifikasi sekiranya berlaku pergerakan luar biasa dan kita akan minta bantuan jiran berhampiran yang ada untuk *double check* di kawasan rumah kita,” katanya.

Dia turut menasihati orang ramai untuk tidak kelam kabut dan mengambil beberapa langkah keselamatan sebelum meninggalkan kediaman masing-masing.

“Kebiasaan kita akan tinggalkan rumah dalam tiga hari jadi macam-macam perkara boleh berlaku ditambah pula kawasan kediaman akan menjadi sunyi kerana ramai yang pulang ke kampung atau bercuti.

“Jadi jangan tinggalkan wang tunai atau barangan berharga di rumah, beritahu jiran dan beri nombor telefon untuk dihubungi sekiranya berlaku kecemasan dan jangan sembunyikan kunci rumah di dalam pasu, bawah alas kaki dan dalam rak kasut di luar rumah,” katanya yang akan pulang ke Pahang sempena Aidilfitri.

Menurut **Mohd Shuhaimi Mohammed Ismail**, 46, pula, sebelum meninggalkan rumah selain maklumkan pada jiran, orang ramai boleh juga maklumkan ketiadaan mereka kepada anggota bertugas di bilik gerakan polis.

“Tidak dinafikan kes kecurian boleh berlaku terutama musim perayaan ini jadi dengan maklumkan kepada pihak polis sekurang-kurangnya mereka boleh membuat rondaan sekali sehari di kawasan perumahan kita untuk mengelakkan perkara tidak diingini,” katanya. 📧



PEMANTAUAN IBU KOTA DITINGKATKAN

JABATAN Penguatkuasaan (JPK) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meningkatkan keselamatan dan kesejahteraan Kuala Lumpur dari semasa ke semasa ketika cuti perayaan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri ini.

Menurut Pengarahnya, Timbalan Pesuruhjaya (TPj) **Mohd Muzammer Jamaluddin**, pihaknya telah mengatur strategi bagi menangani cabaran khususnya dari aspek pemantauan sepanjang musim lebaran.

“Dari aspek tugas sepanjang musim perayaan, ia akan berjalan seperti biasa memandangkan, 50% pegawai dan kakitangan penguat kuasa yang akan melaksanakan pemantauan tertentu di lapangan serta kawasan yang telah

dikenal pasti, manakala sebanyak 30% anggota kawalan keselamatan dan skuad penyelamat akan bertugas sepanjang cuti lebaran ini.

“Selain itu, kami juga akan meneruskan rondaan di seluruh ibu kota bagi memastikan tiada sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang serta peraturan DBKL,” katanya kepada Wilayahku.

Mohd Muzammer berkata bagi memastikan keselamatan awam, DBKL bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi lain untuk mencegah aktiviti jenayah seperti kecurian, vandalisme dan penjualan mercun tanpa kebenaran.

“Pemeriksaan berkala akan dijalankan di lokasi berisiko tinggi.

“Kami juga akan bertindak terhadap

mana-mana pihak yang menjalankan perniagaan tanpa lesen, termasuk penjualan mercun secara haram,” katanya.

Beliau turut menegaskan bahawa rondaan penguatkuasaan akan ditingkatkan di kawasan komersial dan perumahan bagi mengelakkan insiden tidak diinginkan.

Diminta mengulas mengenai keadaan Kuala Lumpur yang sering menjadi lokasi pertemuan warga asing untuk berkumpul semasa musim perayaan, beliau menjelaskan bahawa pemantauan akan dilakukan bagi memastikan ruang awam digunakan dengan tertib.

“DBKL juga akan memastikan ruang awam digunakan secara teratur dan tidak menimbulkan gangguan kepada warga kota.

“Selain itu, kita akan memastikan tiada aktiviti penajaan dilakukan dan memastikan pengunjung sentiasa menjaga kebersihan demi kesejahteraan semua pihak,” katanya. 📱


MOHD MUZAMMER

TEIK HUA

Perlu ada usaha tambahan

SETIAP kali menjelang musim perayaan seperti Aidilfitri, Tahun Baharu Cina dan Deepavali, isu keselamatan jalan raya menjadi tumpuan utama pelbagai pihak.

Lalu lintas khususnya lebuhraya ketika musim tersebut penuh sesak, baik ketika balik kampung mahupun menziarahi sanak saudara dan rakan-rakan. Ia sedikit sebanyak mengundang peningkatan terhadap risiko kemalangan.

Memberi pandangan terhadap perkara tersebut, Pengarah Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Universiti Putra Malaysia (UPM), **Profesor Madya Dr Law Teik Hua** berkata keselamatan jalan raya adalah isu yang kritikal namun keadaan tersebut perlu dielak, bukannya terpaksa diterima.

“Keadaan lebuhraya tidak akan berubah malah kesesakan tersebut terpaksa kita hadapi kerana bilangan pengguna akan bertambah. Jadi, perlu ada *extra effort* (usaha tambahan) daripada pengguna, contohnya dengan menggunakan aplikasi tertentu bagi mendapatkan maklumat trafik untuk merancang perjalanan.

“Jika ada kemalangan dan mengakibatkan kesesakan yang teruk, kita boleh elakkan dan ini antara langkah yang boleh kita buat untuk tidak menambah kepada masalah yang akan menyukarkan perjalanan jauh yang perlu ditempuhi,” jelas beliau.

Tambahnya Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya UPM misalnya turut membangunkan Sistem Pengesanan Insiden Jalan Raya Automatik (ARIDS) bagi mengesan insiden kemalangan jalan raya dalam masa nyata.

“Ketika memandu, kita tidak tahu apa yang terjadi di hadapan, saya dapati 20 peratus kemalangan maut adalah disebabkan *blind spot* (titik buta). ARIDS membantu pemandu untuk lebih *alert* (berjaga-jaga) yang membolehkan masa tindak balas yang lebih pantas untuk perkhidmatan kecemasan.

“Menggunakan sistem kecerdasan buatan (AI), ia beroperasi secara berterusan menggunakan data trafik Google untuk pemberitahuan kemalangan dan menganalisis kesesakan lalu lintas, termasuk fungsi lampu isyarat.

“Pengguna akan diberitahu dengan segera melalui WhatsApp, tanpa memerlukan input manual. Malah, penyelesaian pengurusan trafik ini boleh diakses dari jauh, walaupun melalui telefon mudah alih, meningkatkan fleksibiliti dan kebolehgunaannya,” jelas beliau sistem yang sudah dibangunkan dua tahun lalu itu turut mendapat perhatian antarabangsa iaitu Brunei dan Xi’an, China.

Katanya pada masa ini, sistem tersebut juga sedang diuji di 1,000 kilometer (KM) lebuhraya dan jalan Persekutuan di Lembah Klang dan Kuching.

Beliau berkata semua pihak perlu sentiasa memainkan peranan utama dalam memastikan keselamatan jalan raya terpelihara.

“Setiap kali kita bercakap tentang isu ini, perkara yang sama sentiasa ditekankan dan berharap masing-masing melaksanakan tanggungjawab bukan sahaja untuk diri sendiri tetapi orang lain juga.

“Kesesakan jalan raya memang tidak boleh dielakkan, perjalanan akan memakan masa lebih panjang berbanding biasa adalah normal. Jadi, tidak perlu tergesa-gesa.

“Pastikan kenderaan dalam keadaan yang baik. Periksa tayar dan jangan lupa semak sama ada dalam kereta anda mempunyai segi tiga amaran atau tidak. Ia sangat penting, jika kereta rosak di tengah jalan, jangan lupa untuk letakkan penanda tersebut kemudian elakkan berada di dalam kereta untuk menjamin keselamatan,” kata beliau.

Tambahnya pengguna mestilah bijak mengawal emosi kerana banyak kajian menunjukkan kemalangan jalan raya adalah disebabkan sikap serta mentaliti pemandu. 📱



SEBAHAGIAN daripada mereka yang menyertai Program Iftar@KL di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur baru-baru ini. Warga kota yang menyambut Aidilfitri di ibu negara dinasihatkan supaya menggunakan ruang awam dengan baik.



Salam
AIDILFITRI
Maaf Zahir Batin

Ikhlas daripada:

Dato' Seri TPr (Dr.) Maimunah Mohd Sharif
Datuk Bandar Kuala Lumpur
dan Seluruh Warga Kerja DBKL





KPDN bekerjasama dengan KPKM bagi memastikan harga barangan terkawal dan bekalan di pasaran mencukupi.

KERAJAAN PRIHATIN ISU BEBANAN RAKYAT

HARGA barang dan bahan mentah naik melambung sempena Aidilfitri ini?

Demikian persoalan dilontarkan segelintir warganet yang kononnya mula membanding-bandingkan situasi sambutan Aidilfitri dengan perayaan lain.

Mereka mempersoalkan kenapa harga barangan naik hanya ketika Aidilfitri, tidak ketika perayaan lain?

Nampaknya mereka buat tuduhan tanpa siasat terlebih dahulu. Faktanya, kerajaan tidak pernah mengabaikan keperluan rakyat, jauh sekali mahu membebaskan mereka.

Apa yang masyarakat perlu tahu, sebenarnya sebanyak 26 barang keperluan diletakkan di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena Aidilfitri yang

berkuat kuasa pada 24 Mac hingga 7 April ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata jumlah barangan di bawah skim berlangsung 15 hari itu juga lebih banyak berbanding hanya 22 barangan pada SHMMP 2024.

Katanya empat barangan tambahan pada tahun ini adalah bawang merah kecil India, bawang merah kecil India (Ros), lobak merah dan santan.

"Tempoh pelaksanaan selama 15 hari iaitu lima hari sebelum perayaan, satu hari ketika perayaan dan tujuh hari selepas perayaan," katanya pada sidang media pengumuman SHMMP Aidilfitri 2025 di Festival Ramadan Putrajaya, baru-baru ini.

Hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar.

Armizan berkata pelaksanaan skim pada kali ini adalah bersesuaian bagi menjamin suatu tempoh yang wajar dan mewujudkan suasana menang-menang kepada pengguna dan komuniti peniaga.

Katanya pengguna dapat menikmati harga yang berpatutan dan peniaga pula tidak tertekan dengan tempoh masa pelaksanaan yang terlalu lama.


"Selain itu, penentuan harga ini dibuat setelah mengambil kira pandangan daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), agensi-agensi kerajaan berkaitan dan pemain-

pemain industri," katanya.

Menurutnya KPDN bekerjasama dengan KPKM bagi memastikan harga barangan terkawal dan bekalan di pasaran mencukupi.

Katanya semakan harga barangan terbabit boleh dibuat melalui laman web KPDN di www.kpdn.gov.my.

Beliau mengingatkan peniaga agar mematuhi peraturan termasuk meletakkan tanda harga bagi barang kawalan dan tindakan tegas akan dikenakan terhadap mereka yang ingkar melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Jadi, terbuktilah kerajaan sentiasa mengambil pendekatan mahu meringankan beban rakyat terutamanya sempena sambutan Aidilfitri. 

PDRM bukan diskriminasi

TERDAPAT segelintir warganet yang meluahkan rasa tidak berpuas hati apabila Polis Diraja Malaysia (PDRM) bertegas dalam soal main mercun ketika Aidilfitri.

Mereka mula mempertikaikan ketegasan PDRM dan menganggap kononnya ada diskriminasi kaum di sebalik larangan itu.

Dakwa mereka PDRM tidak pula bertegas ketika sambutan perayaan lain, tapi bersungguh-sungguh apabila sambutan yang melibatkan Aidilfitri.

Sebenarnya mereka salah faham. Sudah terang lagi bersuluh bahawa mercun itu membahayakan.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain berkata aktiviti itu berisiko menyebabkan kecederaan serius, kebakaran serta

gangguan ketenteraman awam.

"Malah, kami ingin mengingatkan bahawa bermain mercun tanpa kebenaran adalah satu kesalahan mengikut Seksyen 8 Akta Bahan Letupan 1957.

"Pesalah boleh dikenakan hukuman penjara atau denda berat," katanya.

Beliau berkata sepanjang tahun ini dua kes kecederaan akibat bermain mercun dilaporkan membabitkan dua kanak-kanak di Kedah dan Kelantan.

"Kami bimbang kejadian seperti ini akan terus berulang, lebih-lebih lagi menjelang musim perayaan.

"Orang ramai, khususnya ibu bapa, perlu memantau aktiviti anak-anak dan menasihati mereka supaya tidak bermain mercun," katanya.

Razarudin berkata bermain mercun boleh mengakibatkan kecederaan parah seperti melecur, putus jari, buta dan kecacatan kekal, selain bunyi letupannya boleh mengganggu ketenteraman awam terutama bayi, warga emas serta pesakit.

"Selain kecederaan, letupan mercun juga boleh menyebabkan kebakaran rumah, kenderaan serta kawasan belukar.



RAZARUDIN



KUALA LUMPUR

17/2 - 16/4/25: Pameran Menganeng Asal Usul: Menyingkap Naratif Budaya @ Jabatan Muzium Malaysia

18 - 20/4/25: MATTA Fair @ MITEC KL

27/4/25: OCBC Cycle KL 2025 @ Dataran Merdeka

23/5 - 1/6/25: Pesta Buku Antarabangsa @ PWTC



PUTRAJAYA

28/2 - 30/3/25: Festival Ramadan Putrajaya 2025 @ PPJ

11/5/25: Generali Malaysia Run 2025 @ Dataran Wawasan

5/7/25: Ecotrail Putrajaya



LABUAN

22 - 27/4/25: Labuan International Sea Challenge

26 - 30/7/25: Borneo Flora Festival @ Labuan 2025 @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

26-28/9/25: Borneo Art Festival @ Ujana Kewangan

TALIAN KECEMASAN
 Talian Kecemasan Negara (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM): **999**
 Talian Kasih KPWK: **15999**
 Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

Sebagai wakil masyarakat Orang Asli, bagaimana YB melihat perkembangan dan kemajuan mereka dalam aspek ekonomi serta pendidikan?

Orang Asli di Malaysia masih memerlukan perhatian dan pembelaan lebih serius daripada kerajaan. Walaupun terdapat beberapa inisiatif dan program dilaksanakan untuk membantu masyarakat Orang Asli, masih banyak ruang perlu diperbaiki. Dari segi ekonomi, Orang Asli masih hidup dalam kemiskinan. Kerajaan perlu melaksanakan program pembangunan ekonomi yang berkesan termasuk latihan kemahiran, bantuan kewangan dalam pertanian, pengiktirafan tanah adat mereka agar tidak diceroob dan peluang pekerjaan di dalam kerajaan seperti termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 8(5)(C).

Antara cabaran lain adalah isu pemilikan tanah di mana Orang Asli berdepan masalah hak milik tanah yang secara langsung menjejaskan kestabilan ekonomi mereka. Terdapat juga halangan dari segi persaingan dan kekurangan ilmu perniagaan merangkumi strategi pemasaran moden dan teknologi digital menyukarkan mereka untuk berkembang. Ini kerana majoriti penempatan Orang Asli jauh di pedalaman yang mana komunikasi adalah sangat terbatas dan tiada capaian Internet.

Pembangunan pendidikan yang berkualiti masih terhad di kebanyakan kawasan Orang Asli. Kerajaan perlu memastikan kemudahan pendidikan yang mencukupi, guru yang terlatih dan program sokongan yang sesuai untuk meningkatkan tahap pendidikan.

Bagi pandangan YB, apakah nasib Orang Asli di negara ini terbela?

Bagi memastikan masyarakat Orang Asli dapat menikmati pembangunan yang menyeluruh dan inklusif, kerajaan perlu memberi perhatian kepada perkara-perkara yang memerlukan penambahbaikan seperti hak dan pewartaan tanah. Masyarakat Orang Asli menghadapi ancaman pencerobohan tanah. Keadaan menjadi bertambah buruk apabila kekurangan pengiktirafan terhadap tanah adat menyebabkan kehilangan tempat tinggal dan kemusnahan sumber ekonomi serta sumber alam. Ini dapat ditangani melalui mempercepatkan proses pengiktirafan tanah adat melalui pewartaan tanah. Melalui pewartaan tanah ini, masyarakat Orang Asli boleh mengusahakan tanah untuk pertanian dan perumahan dengan selamat tanpa gangguan. Kerajaan perlu lebih tegas dalam mengawal eksploitasi tanah kawasan penempatan Orang Asli oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Penyakit malnutrisi dan jangkitan parasit masih berleluasa. Ini berlaku disebabkan kekurangan akses kepada klinik dan hospital. Kekurangan bekalan air bersih masih menjadi permasalahan terutamanya di perkampungan pedalaman seperti di Hulu Tembeling, Hulu Perak, di pedalaman Gua Musang

MEMBANGUN EKONOMI, PENDIDIKAN ORANG ASLI

DILANTIK sebagai Ahli Dewan Negara pada 2018 kemudiannya lantikan semula pada 2023. Yang Berhormat (YB) Senator **MANOLAN MOHAMAD** mewakili masyarakat Orang Asli di 'August House' (Parlimen) bagi memastikan golongan itu mendapat pembelaan sewajarnya. Bagi beliau, masih banyak ruang yang perlu diperbaiki bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli. Dalam sektor pendidikan, contohnya, beliau mahu kerajaan menekankan kepada aspek kemudahan pendidikan yang mencukupi selain mengurangkan kadar keciciran.

Kepada wartawan Wilayahku, **METRA SYAHRIL MOHAMED**, beliau turut berkongsi rasa kagum dengan semangat Orang Asli yang kini bijak menggunakan media sosial dalam mengembangkan perniagaan.



MANOLAN (kanan) menyantuni anak-anak Orang Asli di Kampung Orang Asli Kelinsing, Sepang, Selangor ketika perasmian Kampung Angkat MADANI Kementerian Komunikasi.

dan Ulu Jelai Pahang.

Wakil-wakil Orang Asli dalam kerajaan dan pentadbiran pun masih kurang. Ini dapat diatasi sekiranya kerajaan menambah wakil Orang Asli dalam Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) seterusnya mereka terlibat dalam proses penggubalan dasar.

Apa perkara utama yang dibincangkan YB dalam pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tahun lalu?

Saya bersama beberapa pemimpin masyarakat Orang Asli mengadakan perjumpaan bersama Perdana Menteri pada 14 Oktober 2024. Banyak perkara yang kami lontarkan antaranya menyediakan dana khas diberikan kepada kerajaan negeri untuk kos pengukuran tanah Orang Asli untuk proses pewartaan, isu perumahan khususnya untuk anak muda, pembinaan pusat intelek untuk pelajar Orang Asli, perjawatan di dalam Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan banyak lagi.

Pandangan YB mengenai peruntukan RM380 juta menerusi Belanjawan 2025 terhadap pembangunan Orang Asli?

Secara keseluruhannya peruntukan RM380 juta ini mencerminkan komitmen yang

tinggi Kerajaan MADANI dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli melalui pendidikan, pembangunan ekonomi dan penyediaan infrastruktur asas yang lebih baik. Antara program-program yang dilihat mampu menaik taraf kehidupan Orang Asli adalah melalui pembangunan semula ladang-ladang Orang Asli, membina rumah melalui EPIC Homes, menyediakan bekalan air bersih, menyediakan bekalan elektrik dan pembangunan pemetaan kawasan cerun yang berisiko tinggi di perkampungan Orang Asli.

Apa lagi ruang atau sektor yang perlu kerajaan fokuskan bagi pembangunan Orang Asli?

Sektor kebajikan dan kesihatan juga menjadi aspek yang amat penting untuk dilihat. Program bantuan sosial berupa kewangan dan makanan asas bagi golongan miskin tegar dan mana-mana yang memerlukan. Selain itu, klinik kesihatan bergerak juga perlu diperluaskan ke seluruh negara bagi memastikan masyarakat Orang Asli mendapat rawatan yang diperlukan serta imunisasi untuk langkah pencegahan. Masyarakat Orang Asli juga perlu dilibatkan dalam penggubalan dasar melalui penyertaan mereka dalam keputusan kerajaan. Ini

dapat mewujudkan platform untuk masyarakat Orang Asli terlibat dalam proses perancangan dan pelaksanaan dasar pembangunan.

Aspek lain yang perlu dilihat adalah pemeliharaan budaya dan identiti. Kepelbagaian budaya dan etnik Orang Asli yang terdiri daripada 18 etnik minoriti mampu dipromosikan melalui program pemuliharaan bahasa, seni dan adat resam melalui pameran dan festival-festival kebudayaan.

Penekanan harus diberikan kepada pembangunan infrastruktur dan juga perumahan. Projek rumah mesra rakyat perlu diperluaskan dengan rumah binaan reka bentuk khas untuk Orang Asli. Tidak ketinggalan juga kemudahan asas yang masih tidak lengkap. Kerajaan melalui agensi berkaitan perlu memastikan semua perkampungan Orang Asli mempunyai kemudahan asas yang lengkap seperti elektrik, air bersih, jalan raya dan kemudahan telekomunikasi.

Tahun lalu semasa Kongres Ekonomi Bumiputera, Timbalan Yang Di-Pertua Dewan Rakyat, Datuk Ramli Mohd Nor mencadangkan kerajaan membuka sekurang-kurangnya lima peratus kuota kemasukan pelajar Orang Asli ke MRSM dan SBP. Bagaimana YB melihat cadangan ini?


Cadangan pembukaan kuota

khas pelajar Orang Asli untuk kemasukan ke MRSM dan SBP dilihat permulaan yang baik. Ini adalah langkah permulaan yang boleh disesuaikan bergantung kepada keperluan dan keberkesanan program. Ia juga boleh disesuaikan mengikut jumlah permohonan dan kadar kelayakan calon setiap tahun. Antara langkah awal yang boleh diambil ialah dengan menyediakan laluan khas seperti program persediaan akademik bagi membantu pelajar menyesuaikan diri dengan sistem pembelajaran MRSM dan SBP.

Dalam perjalanan Dewan Negara, masyarakat seolah-olah memandangnya tidak begitu penting. Dewan Negara sering dianggap sebagai 'rubber stamp'. Pandangan YB?

Pandangan bahawa Ahli Dewan Negara berfungsi sebagai 'rubber stamp' sering dikaitkan dengan hakikat bahawa majoriti anggotanya dilantik oleh kerajaan yang memerintah. Ini menjadikan mereka cenderung untuk menyokong dasar kerajaan tanpa perdebatan yang kritikal. Di Dewan Negara perbahasan lebih berfokus kepada Rang Undang-Undang (RUU) dibentangkan menteri. Perbahasan dan intipati perbahasan lebih berfokus kepada isu rakyat dan negara. Dewan Negara sebenarnya boleh menengguhkan sesuatu RUU atau menolak sesuatu RUU yang pada hemat Ahli Dewan Negara perlu dirujuk semula ke Dewan Rakyat untuk membuat pindaan sekiranya ia bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan atau disebabkan perkara tertentu. Justeru, yang mengatakan bahawa Dewan Negara sebagai 'rubber stamp' adalah tidak benar. Ada juga ahli Dewan Negara yang dipilih secara demokratik di dalam DUN masing-masing.

Pada pandangan YB, wajarkah pilihan raya untuk memilih anggota Dewan Negara diperkenalkan?

Pilihan raya memberi rakyat hak terus memilih wakil mereka di Parlimen melalui Dewan Rakyat manakala Dewan Negara adalah dewan yang tertinggi di Parlimen selepas Yang di-Pertuan Agong. Maka untuk mengadakan pilihan raya bagi pelantikan ahli Dewan Negara adalah bukan sesuatu yang mudah. Ia akan menyebabkan pertindihan fungsi dan peranan semak dan imbang di kedua-dua dewan ini. Dengan mengadakan pilihan raya untuk memilih Senator boleh mengakibatkan dan memerlukan peruntukan kewangan besar melalui penyediaan logistik, kempen dan proses pengurusan pilihan raya. Sedangkan sumber ini boleh digunakan untuk sektor lain seperti pendidikan, kesihatan dan sebagainya. 



ZALIHA ketika menjawab isu bangunan terbiar ketika sesi sidang Dewan Negara.



DBKL giat melaksanakan langkah pemantauan dan tindakan terhadap bangunan terbiar bagi mengurangkan kesan negatifnya terhadap bandar raya.

Teliti strategi penggunaan semula bangunan

48 PREMIS TERBIAR SEKITAR KL

AZLAN ZAMBRY

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengenal pasti sebanyak 48 premis dan bangunan terbiar di ibu negara dengan 25 daripadanya merupakan bangunan kediaman manakala 23 lagi adalah bangunan komersial.

Dapatan itu mengikut rekod sehingga 20 Februari lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa** berkata langkah pemantauan dan tindakan terhadap bangunan terbiar sedang giat dilaksanakan DBKL bagi mengurangkan kesan negatifnya terhadap bandar raya.

"DBKL melakukan penilaian sebelum mengkategorikan sesuatu bangunan sebagai terbiar.

"Tidak semua bangunan kosong secara automatik dianggap terbiar, melainkan ia memenuhi ciri-ciri seperti tidak diselenggara, kotor, diliputi tumbuhan liar serta boleh

mendatangkan risiko kepada keselamatan awam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Senator Tan Sri Fatmi Che Salleh di Dewan Negara pada Selasa.

Menurut Zaliha analisis yang dijalankan DBKL mendapati bangunan terbiar tertumpu di beberapa kawasan, termasuk Jinjang Utara yang mencatatkan tujuh premis yang kebanyakannya adalah kediaman lama.

"Di Jalan Sultan Azlan Shah atau Jalan Ipoh, beberapa unit bangunan kediaman dan komersial yang ditinggalkan mencerminkan kemerosotan bandar (*urban decay*) serta pembangunan terbantut.

"Di Lorong Tiong Nam turut mencatatkan beberapa premis lama di lorong-lorong tertentu, kebanyakannya bangunan kedai prakemerdekaan yang sudah usang," katanya.

Zaliha turut memaklumkan

beberapa lokasi strategik seperti Jalan Bukit Bintang, Jalan Pudu dan Jalan Gombak turut disenaraikan sebagai kawasan yang mempunyai bangunan terbiar sekali gus menunjukkan isu ini bukan hanya berlaku di pinggir bandar tetapi juga di pusat komersial utama.

"Kejiranan matang dan stabil seperti Kepong Baru, Taman Tun Dr Ismail, Setapak, Cheras dan Kampung Pandan juga mempunyai bangunan terbiar, yang mungkin berpunca daripada isu pemilikan berlapis, perancangan warisan terbantut atau kegagalan pelaburan hartanah," tambahnya.

Menurut beliau, DBKL telah mengambil beberapa langkah proaktif bagi menangani isu ini, termasuk mengeluarkan notis di bawah Seksyen 74 dan 75 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) kepada pemilik bangunan terbiar.

"Seksyen 74 memberi kuasa kepada pihak berkuasa tempatan

(PBT) untuk mengarahkan pemilik memperbaiki atau membersihkan bangunan yang kotor dan menyakitkan mata, manakala Seksyen 75 membolehkan tindakan diambil sekiranya pemilik gagal mematuhi arahan tersebut.

"Namun, setakat ini hanya sembilan pemilik bangunan terbiar yang telah mengambil tindakan selepas menerima notis," katanya.

Selain itu, DBKL turut menguatkuasakan Seksyen 83(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), yang membolehkan PBT memerintahkan pembaikan, pengubahsuaian atau perobohan bangunan yang membahayakan keselamatan awam atau mencacatkan estetika persekitaran.

DBKL juga telah menganjurkan sesi libat urus bersama pemilik, badan bukan kerajaan (NGO) dan persatuan penduduk untuk mencari penyelesaian bersama

dalam menangani isu ini.

Zaliha berkata DBKL sedang meneliti strategi penggunaan semula (*repurpose*) dan pembangunan semula (*redevelopment*) bersama rakan strategik bagi memastikan bangunan terbiar dapat dipulihkan dan kembali menjana nilai ekonomi.

"Bangunan terbiar bukan sahaja menjejaskan imej bandar tetapi juga mendatangkan kos dari segi keselamatan, pencemaran visual dan kehilangan potensi ekonomi.

"Oleh itu, DBKL sedang memperhalusi strategi terbaik agar bangunan terbiar ini dapat dimanfaatkan semula dengan pendekatan yang lebih holistik," katanya.

Beliau menegaskan bahawa DBKL komited dalam memastikan Kuala Lumpur kekal sebagai sebuah bandar raya yang berdaya saing serta selamat untuk didiami dan dikunjungi.

Aplikasi VisitKL permudah pelancong

PELANCONG antarabangsa mahupun tempatan yang berkunjung ke ibu negara kini boleh menggunakan aplikasi VisitKL yang dibangunkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk merancang perjalanan dengan lebih mudah.

Ia membolehkan pengguna menempah penginapan serta mendapatkan maklumat mengenai tarikan utama di sekitar Kuala Lumpur.

Selain itu, VisitKL turut menyenaraikan acara dan program yang akan berlangsung serta memberikan panduan penggunaan pengangkutan awam di bandar raya ini.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** berkata aplikasi tersebut adalah kesinambungan kepada portal VisitKL yang sudah sedia



MAIMUNAH ketika melancarkan portal dan aplikasi VisitKL.

ada sebagai platform digital utama bagi mempromosikan pelancongan di ibu kota.

"Aplikasi dan portal ini bukan hanya untuk pelancong, tetapi juga untuk pemain industri serta masyarakat setempat dalam mengakses maklumat berkaitan

pelancongan.

"Ini juga sebahagian daripada inisiatif DBKL untuk memastikan Kuala Lumpur bersedia menerima kedatangan pelawat, terutama menjelang Sidang Kemuncak ASEAN dan Kempen Visit Malaysia 2026," katanya ketika berucap

melancarkan aplikasi itu di Mayor's Courtyard, Jalan Tangsi.

Turut hadir Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek DBKL, Mohamad Hamim dan Pengarah Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan DBKL, Naquib Hamdan.

Maimunah turut memaklumkan bahawa DBKL kini sedang merangka Pelan Tindakan Pelancongan Kuala Lumpur 2040 yang akan menjadi hala tuju pembangunan produk dan perkhidmatan pelancongan di bandar raya ini.

"Kami menerima maklum balas daripada Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Khairul Firdaus Akbar Khan, yang mahu Kuala Lumpur menjadi hab pelancongan dengan penekanan kepada warisan tempatan dan seni.

"Kami merancang untuk mengadakan sesi libat urus bersama MOTAC serta pemain industri bagi membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut," katanya.

Beliau turut memaklumkan bahawa DBKL kini bekerjasama dengan Khazanah Nasional Bhd dan anak syarikatnya, Think City, dalam usaha memperindah serta menyuntik elemen kebudayaan di lokasi tarikan pelancong di Kuala Lumpur.

"Kami bukan sekadar mencantikkan bangunan, tetapi juga menyediakan kandungan serta aktiviti yang mampu menghidupkan ruang-ruang ini.

"Bangunan yang cantik semata-mata tidak mencukupi untuk menarik pelancong – ia perlu disertakan dengan pengisian dan aktiviti yang menarik," katanya.

Isu libatkan penempatan kuil

HANYA SELESAI KES KHUSUS

AZLAN ZAMBRY

PENYELESAIAN isu penempatan Kuil Dewi Sri Pathra Kaliamman yang sebelum ini menimbulkan polemik tidak akan dijadikan sebagai *precedent* atau kes rujukan dalam menangani isu kuil yang dibina di atas tanah tanpa kebenaran pada masa depan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa** menegaskan penyelesaian tersebut adalah khusus bagi kes itu sahaja dan setiap kes akan dinilai secara individu berdasarkan garis panduan, kedudukan tanah serta peraturan yang berkuat kuasa.

"Kerajaan mengingatkan semua pembinaan rumah ibadat baharu perlu mematuhi garis panduan serta peraturan sedia ada bagi menjamin ketenteraman awam di Wilayah Persekutuan," katanya dalam sidang media di Menara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada Selasa.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Dr Raman Ramakrishnan; Timbalan Menteri Perpaduan Negara, Saraswathy Kandasami; Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Datuk Seri Noridah Abdul Rahim dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif.

Hadir sama Timbalan Presiden MIC yang juga Ahli Parlimen Tapah, Datuk Seri M. Saravanan; Ahli Parlimen Batu, Prabakaran Parameswaran dan pengurusan kuil.

Menurut Zaliha penyelesaian yang dicapai adalah hasil rundingan dengan pihak kuil dan pelbagai pihak berkepentingan bagi memastikan



ZALIHA (tengah) mengadakan perbincangan mengenai penyelesaian terhadap isu penempatan Kuil Dewi Sri Pathra Kaliamman.

keputusan yang adil serta menghormati prinsip kebebasan beragama seperti yang dijamin Perlembagaan Persekutuan.

"Kerajaan menawarkan tapak baharu berkeluasan 4,000 kaki persegi di Lot PT 95, Seksyen 40, Mukim Bandar Kuala Lumpur, yang terletak hanya 50 meter dari lokasi asal.

"Penempatan ini bertujuan memastikan kemudahan dan akses yang lebih baik kepada penganut tanpa menjejaskan keharmonian masyarakat," katanya.

Beliau turut memberi jaminan tiada tindakan perobohan akan dilakukan terhadap struktur kuil sedia ada dan

ia akan dibenarkan beroperasi seperti biasa sehingga proses penempatan semula selesai sepenuhnya.

Dalam pada itu, Zaliha menyeru semua pihak agar tidak memanipulasi isu ini dengan memainkan sentimen perkauman dan keagamaan.

"Marilah kita bersama-sama memelihara keharmonian yang menjadi asas kepada kestabilan negara. Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan penyelesaian yang inklusif dan adil dalam semua isu yang melibatkan rumah ibadat," katanya.

Kuil yang terletak di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur itu dilaporkan berusia 130 tahun iaitu sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan. 🇲🇾



ANTARA penerima Bantuan Awal IPT YWP.

YWP bantu tanggung keperluan

KEPRIHATINAN Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) mengurangkan beban pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang juga daripada golongan berpendapatan rendah (B40) amat dihargai penerima terpilih.

Menurut salah seorang penerima Bantuan Awal IPT YWP, **Putri Nurin Batrisyia Kamarul Anuar**, 19, bantuan itu sedikit sebanyak dapat meringankan kos barangan yang diperlukan untuk ke universiti.



PUTERI

"Alhamdulillah dan sangat bersyukur dengan bantuan yang diterima daripada pihak YWP. Dengan wang tunai ini saya akan gunakan untuk membayar yuran pengajian dan juga membeli barang keperluan semasa.

"Terima kasih kepada pihak YWP yang memberi bantuan untuk menanggung kos pelajaran saya. Insya-Allah saya akan buat yang terbaik dalam pelajaran dan memanfaatkan bantuan yang diberikan ini," katanya kepada Wilayahku.

Bakal melanjutkan pelajaran di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Bertam, Pulau Pinang, Putri berkata ia merupakan bantuan pertama daripada YWP dan tempoh menunggu yang tidak begitu lama memudahkannya membuat perancangan kewangan.

Turut berkongsi perasaan syukur, Nur Afriena Zuyyin Mohd Azree, 19, yang mengakui bantuan itu dapat meringankan beban ibunya.

"Syukur apabila dipanggil sebagai salah seorang penerima bantuan ini. Ia dapat meringankan beban ibu kerana permohonan pinjaman masih dalam proses.

"Sebanyak RM700 diterima secara *one-off* dan saya akan gunakan untuk membayar deposit rumah sewa bagi semester kedua nanti," katanya yang merupakan pelajar di Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) Ipoh.

Nur Afriena berkata dia memilih YWP kerana merupakan anak kelahiran Wilayah Persekutuan serta akan sentiasa mengingati pesanan Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif YWP, Dr Abdul Basir V Kunhimohamed, yang mahu bantuan tersebut digunakan sebaik-baiknya.

"Diharapkan bantuan seperti ini dapat diteruskan," katanya.

Terdahulu 24 pelajar dipilih sebagai penerima dalam Majlis Penyerahan Skim Bantuan Awal IPT, Bantuan Khas, Skim Prihatin dan Bantuan badan bukan kerajaan (NGO) yang diadakan di Wisma YWP baru-baru ini. 🇲🇾

Anak-anak YAYAKEM diraikan

PUSAT beli-belah Alamanda, Putrajaya menyantuni 41 anak-anak yatim dan kurang bernasib baik dari Yayasan Anak Yatim dan Kebajikan Murid Islam Semenyih (YAYAKEM) dalam satu majlis yang diadakan baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Suria KLCC Sdn Bhd, **Francis Tan** berkata kanak-kanak berusia antara sembilan hingga 12 tahun itu berpeluang hadir ke Alamanda untuk menikmati pengalaman beli-belah persiapan raya.

Malah katanya mereka memilih sendiri pakaian dan kasut raya baharu yang ditaja rakan niaga seperti Bata.

"Sebagai pusat beli-belah utama di Putrajaya, Alamanda memainkan peranan penting memupuk semangat prihatin dan kebersamaan dalam komuniti.

"Melalui inisiatif seperti ini, kami berharap dapat menyuntik sinar keceriaan kepada mereka yang kurang berkemampuan, terutamanya kanak-kanak yang tidak berpeluang menikmati suasana Ramadan dan



ANAK-ANAK YAYAKEM yang diraikan di Alamanda baru-baru ini.

Syawal seperti rakan sebaya mereka," katanya.

Francis berkata anak-anak YAYAKEM turut menerima sumbangan duit raya daripada Alamanda dan TUCZ serta diraikan dalam majlis berbuka puasa bersama tetamu kehormat dan

pengurusan Alamanda.

Tambahnya selain program CSR, Alamanda turut menghidupkan kempen Hari Raya 2025 dengan hiasan bertemakan Maghribi yang menampilkan rona biru diraja dan emas di Centre Court. 🇲🇾



Bil 307 . 28 MAC - 3 APRIL 2025

Air mata Aidulfutri

▶▶ 10-11




REDA DENGAN UJIAN ILAHI

AINI MAWAWI & SERIMAH SALLEHUDDIN

AJAL, maut, jodoh dan pertemuan semuanya menjadi rahsia yang telah ditentukan oleh Yang Maha Pencipta.

Namun tatkala diuji dengan kehilangan dan dugaan, sudah pasti perasaan pilu akan terus menghimpit lebih-lebih lagi di saat menjelanginya Syawal.

Memahami keperitan itu, Wilayahku sempat berkongsi kisah duka bersama mereka yang berendam air mata mengenang insan tersayang yang telah pergi dijemput Ilahi.

Begitu juga nasib mereka yang berkorban jiwa raga demi memastikan Aidilfitri ini cukup bermakna. 

Zahra kini 'ketua keluarga'

"JAGA adik," itu ungkapan yang akan sentiasa diingati oleh **Nur Iman Zahra Muhammad Basir**, 15.

Di usia yang masih muda, anak sulung daripada tiga orang adik-beradik ini terpaksa menerima hakikat bahawa dia kini bergelar yatim piatu dalam sekelip mata.

Lebih memeritkan, sebelum kehilangan bapa pada Februari lalu kerana komplikasi jantung, dia diuji dengan pemergian ibu, Noor Azlina Jaafar pada Oktober 2023 disebabkan jangkitan kuman pada hati.

Tamparan hebat itu harus diterima biarpun amat perit kerana dia sedar, jika terus lemah bagaimana pula dengan nasib dua

orang adiknya, Nur Iman Damia, 13, dan Muhammad Daniel Iman, 10, yang sangat memerlukannya.

Berkongsi kisah sedih itu, Zahra berkata sejak dimasukkan ke wad, bapanya tidak henti-henti berpesan supaya dia menjaga kedua-dua orang adiknya.

"Sebelum sakit lagi abah memang selalu pesan jaga adik, masa dia dalam wad pun nasihat yang sama lagipun arwah tak boleh banyak bercakap sebab keadaan kesihatan dia.

"Kalau nak cakap tentang perasaan, saya memang sedih sangat-sangat sebab tak sangka dua-dua dah tiada tapi saya kena reda sebab saya fikir kalau mereka



ZAHRA menunjukkan foto arwah ibu dan bapa yang menjadi pengubat rindu.

ada, mesti abah dan ibu tak nak tengok saya sedih," katanya.

Bercerita lanjut, dia berkata sejak kehilangan ibu, arwah bapanya sentiasa bersedih dan kerap termenung kerana merindui ibunya.

"Abah banyak sedih, depan kami, dia pesan jangan sedih tapi bila saya tengok, dia selalu turun ke tingkat bawah dan menangis tengok baju dan gambar ibu. Tambah lagi beberapa bulan selepas ibu meninggal dunia, kawan baik dia pula menyusul.

"Apapun saya terima ini semua dah takdir,


saya kena kuat biarpun saya dan adik-adik sangat rindukan abah dan ibu lebih-lebih lagi setiap kali nak berbuka puasa, biasanya ibu akan masak makanan kegemaran kami, ayam kurma," jelasnya sebak.

Tambah Zahra ingatannya pada kedua-duanya semakin mencengkam menjelang Aidilfitri memandangkan kebiasaannya mereka sekeluarga tidak sabar menikmati hidangan mi rebus hasil air tangan ibunya.

"Mi rebus ibu memang *special*, kalau ibu masak dekat kampung semua orang tak sabar nak makan. Pakcik dan makcik saya kata, hanya ibu sahaja yang boleh masak sama rasanya dengan atuk.

"Tahun ini dah masuk tahun kedua kami tak makan mi rebus. Saya dan adik-adik rindu sangat semua suasana di rumah, di kampung dan apa-apa sahaja tentang ibu dan abah," katanya sambil menyapu air mata.

Katanya untuk meneruskan kehidupan, dia kini berada di bawah jagaan adik kepada arwah bapanya, Siti Salha Abu Bakar, 42, di Seri Kembangan.

"Saya yang pilih untuk duduk dengan mak ngah, lagipun dekat sini semua mudah, sekolah pun dekat. Tambah pula adik saya yang kedua, Damia perlu berulang-alik ke hospital kerana dia ada masalah jantung," katanya. 



POTRET kenangan sekeluarga.



ZAHRA bersama dua orang adiknya ketika mengiringi jenazah bapa mereka.

'Rindu ibu pada Umar tidak akan hilang'



yang dirasai.

Begitulah apa yang dilalui oleh **Nurul Izzati Barni**, 31.

Kehilangan anak bongsu kesayangannya, Che Umar Rais, 5, yang lemas dalam kolam renang ketika mereka sedang bercuti merupakan tamparan hebat baginya yang ketika itu anak kecil tersebut berada dalam jagaannya.

Berkongsi kisah menyayat hati tersebut dengan Wilayahku, wanita yang berasal dari Alor Setar, Kedah ini masih diselubungi rasa bersalah biarpun apa yang terjadi adalah takdir yang telah tertulis.

"Sampai hari ini saya rasa sangat bersalah dan tak boleh hilangkan rasa terkilan tersebut. Dalam fikiran ini tak habis-habis saya terfikir kalaulah aku tak lalai mesti Umar masih ada, saya rasa sangat *down* sebab masa kejadian saya yang jaga dia.

"Sebagai seorang ibu saya rasa sangat terpuakul, anugerah yang saya sayang hilang sekelip mata. Sakitnya rasa itu sampai sekarang tak dapat nak digambarkan,

siang malam menangis apabila teringatkan dia," katanya dalam esak tangis.

Tambah hiba, sebelum menghembuskan nafas terakhir, anaknya itu berada dalam keadaan koma selama lebih empat bulan dan bergantung dengan alat bantuan pernafasan.

"Selama 19 hari Umar di Unit Rawatan Rapi Pediatrik (PICU), nadi dia pernah terhenti seketika tetapi kuasa Allah membuatkan dia bernafas kembali. Selepas itu, dia dipindahkan ke wad separa kritikal Hospital Sultanah Bahiyah (HSB).

"Waktu itu saya yakin, dia dengar apa yang saya cakap, saya suruh dia kuat sebab saya tunggu dia. Air mata dia mengalir dan dia genggam tangan saya biarpun dia tak sedarkan diri. Ketika itu, saya masih berharap dia sedar biarpun doktor ada beritahu, kalau dia sedar, keadaan dia tidak normal lagi, tetapi saya tak peduli asalkan boleh tengok lagi senyum dia.

"Apapun siapalah kita untuk menolak takdir, Umar tetap pergi juga tinggalkan saya, suami serta dua orang abang dia," jelasnya.

Kisah si kecil ini pernah tular di laman sosial dan berjaya meruntun hati warganet apabila Izzati tidak jemu berkongsi detik Umar terlantar di hospital.

"Bila Umar dah tiada, kami sekeluarga rasa kosong, rindu sangat Umar, rumah yang dulu ceria dengan gelak tawa dia jadi suram. Abang-abang dia pun rasakan yang sama. Mereka berdua sentiasa menziarahi kubur Umar dua kali sehari.

"Kalau nak ikutkan perasaan, memang saya rasa hilang arah, sebab dia selalu menemani saya ke mana-mana sahaja tetapi saya sedar perlu sentiasa kuat sebab suami dan dua orang lagi anak perlukan saya.

"Masa akan terus berlalu tapi ingatan saya pada dia semakin kuat, kadang-kadang terjaga dari tidur, saya tercari-cari sampai terlupa sebenarnya dia dah tiada," katanya yang rindu untuk menatap wajah Umar biarpun sekadar dalam mimpi.

Ditanya tentang persiapan menyambut Aidilfitri, Izzati berkata mereka sekeluarga tidak melakukan sebarang persiapan kerana masih berduka.



"Kalau tahun lepas, dialah yang paling teruja sambut raya tapi tahun ini setiap memori manis tersebut sentiasa singgah dalam ingatan saya menjadikan saya makin sengsara," katanya tahun ini keluarganya dan suami akan beraya bersama-sama di Alor Setar untuk mengubat kerinduan terhadap arwah. 📺

KATA orang, jika seorang anak pergi mendahului ibu bapa mereka, ia adalah kehilangan yang paling menyakitkan bagi kedua-dua orang tua apatah lagi jika pemergian tersebut dalam keadaan tragis. Sudah pasti seumur hidup belum tentu dapat meluputkan rasa 'sakit'

Berkorban demi suami tercinta

SYAWAL ini sepatutnya menjadi hari yang cukup bermakna buat pelakon dan pengacara **Siti Rokhaida Abdul Khalil**, 46, apabila dia kembali disatukan dengan bekas suaminya, Mohamad Nazri Ismail, 57, setelah lapan tahun berpisah.

Namun, impian untuk meraikan Syawal dalam suasana gembira bertukar ala kadar sahaja apabila Mohamad Nazri disahkan menghidap kanser leher dan kelenjar air liur pada awal November lalu.

Melihat keadaan kesihatan suaminya itu membuatkan Siti Rokhaida atau lebih mesra dengan panggilan Kiah Propa mengakui tiada jiwa untuk meraikan lebaran tahun ini.

"Anak-anak paling teruja apabila kami kembali disatukan. Sambutan Syawal kali ini sepatutnya menjadi cukup bermakna buat kami sekeluarga tetapi apakan daya kesihatan suami merosot dalam sekelip mata.

"Saya tidak menyangka kesihatannya merudum secepat ini. Dalam masa tidak sampai berapa bulan, fizikal suami berubah dengan ketara.

"Tapi saya tetap mahu menggembirakan hati suami dan saya mahu dia merasakan suasana hari raya," kata wanita cekal ini.

Akui Kiah, melihat keadaan suaminya yang semakin kritikal membuatkan hatinya dihiris pilu.

Walaupun hubungan dengan

Nazri tetap baik selepas perceraian tetapi tahun ini berbeza apabila setelah lapan tahun berpisah, mereka berhasrat merakam semula potret raya sebagai sebuah keluarga yang sempurna.

"Saya mahu gembirakan hati suami, sebab itu saya beria-ia siapkan baju raya untuk dia.

"Setiap hari saya panjatkan doa kepada Allah semoga kami diberi kesempatan beraya bersama dan dapat rakamkan foto raya buat kali terakhir. Setiap kali mengenangkannya, hati saya jadi sangat sedih.

"Sebelum ini dia pernah merayu ingin rujuk kembali tetapi hati saya belum terbuka. Selepas suami disahkan menghidap kanser barulah saya terbuka untuk menerimanya kembali.

"Hati saya tambah tersentuh apabila anak-anak minta saya jaga bapa mereka dan tidak izinkan saya berkahwin lain. Anak yang bongsu mungkin masih kecil, dia kata dah 'sellotape' hati sebab tak mahu saya cari orang lain, mungkin dia tak faham yang kami sebenarnya sudah rujuk," katanya yang reda andai ditakdirkan Allah mengambil suaminya.

Bukan lelah terpaksa berulang-alik dari Teluk Intan-Sungai Buloh-Putrajaya bagi menghantar suami menjalani rawatan di Institut Kanser Negara (IKN) dan pada masa sama menguruskan perniagaan, tetapi melihat keadaan suaminya yang 'terseksa' ditebuk dan dicucuk

membuatkan dia reda seandainya tiba masa untuk suaminya pergi.

Malah jelas Kiah, dia juga sudah meminta dua puterinya yang berusia 13 dan sembilan tahun agar bersiap sedia berikutan rawatan kimoterapi yang dijalani Nazri sebanyak lima kali tidak menunjukkan sebarang perubahan.

"Saya tak sanggup melihat suami terseksa, kanser bukan penyakit main-main. Dari pengalaman menjaga suami, saya belajar sesuatu di mana kanser penyakit yang tak 'relaks' sebab komplikasi kesakitan itu berubah-ubah.

"Ada saja bahagian tubuh yang sakit, apabila tengok suami mengerang kesakitan saya pula yang menangis.

"Perkara itu membuatkan saya belajar untuk bersyukur, sebab itu saya reda seandainya Allah ambil dia," katanya yang mengakui langsung tidak pernah menyesal dengan keputusan bernikah semula dengan Nazri.

Selagi diberikan waktu, Kiah mahu memberikan khidmat terbaik buat suaminya kerana tidak mahu timbul penyesalan di kemudian hari.

Sepanjang menjaga Nazri, dia juga tidak pernah merasakan suaminya itu sebagai satu beban biarpun terpaksa membahagikan masanya mencari rezeki dan berdepan pula dugaan perniagaan yang perlahan sepanjang Ramadan.

"Betul saya tidak pernah menyesal kerana ini jalan yang saya pilih. Ibu dan arwah bapa sebelum



KIAH mengakui melamar Nazri dengan niat untuk menjaganya yang disahkan menghidap penyakit kanser.

ini pun tidak membantah keputusan ini.

"Kalau saya tidak berkahwin semula dengan suami, tiada siapa yang mampu jaga dia dalam keadaan begini.

"Dalam keadaan kesihatan dia yang kurang baik, saya diduga pula dengan perniagaan yang perlahan sepanjang Ramadan ini kerana jarang dapat ke bazar disebabkan sibuk uruskan suami.

"Mujur ada rakan artis dan peminat yang infakkan, jadi

dapatlah tampung sedikit sebanyak. Keadaan itu buatkan ada masanya saya 'down' tapi hanya pada Allah tempat saya mengadu setiap malam. Saya kena kuat kerana saya kini tunjang keluarga," kata Kiah.

Kiah dan Nazri berkahwin pada 2011, namun bercerai pada 2016.

Pasangan itu kembali rujuk pada 16 November tahun lalu, di mana Kiah sendiri melamar Nazri dengan niat ingin menjaga lelaki tersebut yang didiagnos kanser. 📺



Syawal Dinanti: Kini Menjelma




SHUAIB AYOB

SELEPAS sebulan berpuasa, kini Syawal menjelma dan sudah pasti dinanti-nantikan oleh kanak-kanak dengan mengenakan baju raya baharu.

Seperti biasa, golongan ibu bapa paling sibuk membuat persiapan termasuk si bujang bagi memeriahkan lebaran khususnya di kampung.

Aidilfitri memberi kesempatan untuk semua saling bermaafan antara satu sama lain malah menginsafi keberadaan mereka yang kurang bernasib baik.

Sama seperti tahun-tahun sebelumnya, lokasi popular di ibu kota iaitu Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) dan kawasan pusat beli-belah sekitarnya menjadi tumpuan utama pengunjung.

Lensa Wilayahku sempat merakam kemeriahan persiapan Aidilfitri dengan orang ramai bersebak-sesak untuk memilih busana raya yang 'sedap mata memandang'. 







Wang yang dikeluarkan adalah untuk penyucian harta dan jiwa

HIKMAH DI SEBALIK ZAKAT

PROFESOR MADYA DR MOHD ANUAR RAMLI
& MOHAMAD AIMAN ASHRAFF MOHD ZAMRI

ZAKAT fitrah merupakan ibadat kehartaan yang wajib dibayar ketika dalam bulan Ramadan. Ia difardukan kepada umat Islam pada tahun kedua Hijrah dalam bulan Syaaban. Ia hanya diwajibkan khusus pada bulan Ramadan.

Sebagai umat Islam, zakat fitrah perlu dikeluarkan oleh mereka yang memenuhi kriteria dan syarat yang telah ditetapkan oleh syarak seperti mereka yang beragama Islam dan merdeka di samping mempunyai harta yang lebih daripada keperluan perbelanjaan bagi dirinya dan orang di bawah tanggungannya pada hari raya dan malamnya.

Kefarduan zakat fitrah adalah sabit berdasarkan Al-Qur'an dan Sunnah Nabi SAW. Firman Allah SWT dalam surah At-Taubah ayat 103, maknanya: "Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang buruk)."

Dalam hadis Nabi SAW, daripada Ibnu Umar, maknanya: "Sesungguhnya Rasulullah SAW telah memfardukan zakat fitrah pada bulan Ramadan dengan kadar satu gantang daripada tamar atau satu gantang daripada barli ke atas setiap yang merdeka dan hamba, lelaki dan perempuan dalam kalangan orang Islam (HR Muslim)." Jelaslah bahawa mereka yang mengingkari hukum wajib membayar zakat akan dihukum sebagai kafir. Adapun mereka yang enggan mengeluarkan zakat tanpa mengingkari hukumnya akan berdosa besar kerana sudah jelas dari nas-nas yang menerangkan berkaitan kewajipan membayar zakat.

Di Malaysia, terdapat pelbagai kadar

zakat fitrah yang telah ditetapkan pihak berautoriti agama negeri masing-masing. Kadar satu gantang Baghdad ini biasanya dinilai dalam bentuk wang ringgit. Ada negeri yang menetapkan satu kadar sahaja, iaitu RM7.50 seperti Sabah dan Sarawak dan RM9 bagi Perlis.

Majoriti negeri lain meletakkan tiga kadar zakat yang berbeza, iaitu bermula dari serendah RM7 hinggalah ke RM27. Ia dikira berdasarkan jenis beras yang dimakan oleh pembayar secara konsisten dan dominan sepanjang tahun. Umpamanya di Kedah, hanya dua kadar sahaja iaitu RM7 dan RM14 berdasarkan kepada harga beras mengikut gred dan jenis yang dimakan oleh kebanyakan penduduk Islam di negeri itu.

Selain itu, setiap negeri melantik amil dan penolong amil secara rasmi mengikut kawasan masing-masing. Ini bagi melancarkan kutipan zakat fitrah yang lebih bersistematik dan berkesan demi maslahat dan pembayar zakat serta pihak berautoriti. Dalam era revolusi industri 4.0, kita menyaksikan pembayaran zakat kini boleh dibuat secara dalam talian.

Jadi, umat Islam boleh membayar zakat fitrah kepada amil yang telah dilantik oleh pihak berkuasa agama negeri bagi mengumpulkan kutipan dalam jumlah yang besar dan proses agihan boleh dilakukan lebih sistematik berdasarkan data penerima yang berdaftar dengan pusat zakat. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-76 pada 2006 menyatakan bahawa mengagihkan zakat secara persendirian adalah sah tetapi melanggar peraturan dan undang-undang adalah berdosa kerana umat Islam wajib patuh dan taat kepada ulil amri dalam perkara kebaikan.

Begitu juga dengan kutipan yang merentasi sempadan negeri adalah dilarang

tegas kerana ia boleh mengalihkan dan mengurangkan hak mereka memerlukan di negeri berkenaan.

Secara umumnya, waktu untuk melakukan pembayaran zakat fitrah terbahagi kepada lima. Pertama, adalah waktu yang wajib iaitu apabila seseorang itu mencapai sebahagian daripada bulan Ramadan dan sebahagian daripada bulan Syawal. Sebagai contoh, seseorang itu hidup dan cukup segala syarat wajib zakat ketika terbenam matahari pada malam Aidilfitri.

Kedua, adalah waktu afdal iaitu pada Hari Raya Aidilfitri selepas terbit fajar dan sebelum solat Aidilfitri. Ketiga pula adalah waktu harus iaitu bermula dari awal Ramadan. Keempat adalah waktu makruh iaitu melewati pembayaran zakat fitrah selepas solat Aidilfitri sehingga terbenam matahari melainkan ada masalah yang lain.

Kelima adalah waktu haram iaitu melewati pembayaran zakat selepas Hari Raya Aidilfitri kecuali ketika ada keuzuran.

Asasnya, pembayaran zakat fitrah mempunyai pelbagai hikmah dan manfaat sama ada kepada pembayar atau penerima bantuan zakat. Bagi pembayar zakat fitrah, wang yang dikeluarkan adalah untuk penyucian harta dan juga jiwa pemberi. Pembayaran zakat fitrah juga adalah manifestasi rasa syukur dan berterima kasih kepada Allah SWT atas segala pemberian nikmat dan kecukupan rezeki.

Sebagai menzahirkan rasa syukur itu, zakat fitrah dikeluarkan kepada mereka yang layak menerimanya bagi meringankan sedikit beban asnaf dan fakir miskin yang dipikul untuk meraikan Hari Raya Aidilfitri serta menggembirakan mereka dengan sedikit pemberian.

Di samping itu, bulan Ramadan juga merupakan titik tolak untuk umat Islam

kembali kepada fitrah dan suci daripada dosa. Di samping menahan lapar dan dahaga di siang hari, mereka turut menjauhi segala sifat mazmumah dan keji serta menjaga segala kelakuan daripada dosa dan maksiat.

Akan tetapi, pastinya akan terdapat ketergelinciran lidah dan perbuatan ketika berpuasa. Dalam hal ini, hadis Nabi SAW, maknanya: "Rasulullah SAW telah memfardukan zakat fitrah sebagai menyuci bagi orang yang berpuasa daripada sebarang lagha dan keji serta memberi makan kepada orang miskin (HR Abu Daud)."

Dengan membayar zakat fitrah, ibarat seseorang itu dapat menebus diri mereka daripada kekurangan yang dilakukan ketika berpuasa. Ia menjadi penebus untuk menampung kelemahan orang yang berpuasa.

Selain itu, dengan membayar zakat fitrah, para pembayar akan banyak membantu umat Islam lain yang lebih memerlukan bantuan demi kelangsungan kehidupan dan keterjaminan makanan mereka.

Golongan penerima dapat menarik nafas lega menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri. Seajar dengan itu juga, ia dapat mewujudkan keharmonian dalam masyarakat Islam kerana nasib golongan asnaf terbela baik di samping kesejahteraan sosial juga dapat dibentuk.

Tuntasnya, membayar zakat fitrah merupakan satu kewajipan kepada umat Islam yang memenuhi semua syarat dan kriteria yang telah ditetapkan syarak. Oleh itu, pembayaran zakat fitrah tidak boleh diabaikan kerana hukumnya adalah berdosa besar apabila mereka gagal membayar zakat bahkan boleh menjadi kufur sekiranya mengingkari kewajibannya.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.



TINJAUAN BELANJAWAN DBKL 2026

13 FEBRUARI - 12 APRIL 2025

PERUMAHAN

KEHIJAUAN

MOBILITI

INFRA
STRUKTUR

KESIHATAN
&
PEMBERSIHAN

PENGURUSAN
TRAFIK

PENJAJA
&
PENIAGA
KECIL



[HTTPS://WWW.DBKL.GOV.MY/BELANJAWAN](https://www.dbkl.gov.my/belanjawan)
KONGSI CADANGAN DAN IDEA ANDA

TRADISI BALIK KAMPUNG SUBUR

KU SEMAN KU HUSSAIN

DI tengah-tengah kehidupan moden di Kuala Lumpur, terselit tradisi yang tidak pernah ditinggalkan oleh sebahagian besar dalam kalangan warga iaitu balik kampung. Itu adalah tradisi yang tetap utuh sekalipun kehidupan harian penuh dengan nilai-nilai baharu yang moden.

Tradisi balik kampung menyambut Hari Raya Aidilfitri sentiasa terpelihara dan diamalkan apabila tiba pada waktunya. Balik kampung menjadi tradisi yang mengunjur dari generasi ke generasi yang mempunyai asal usul dari kampung dan jauh dari kota.



PENULIS BEBAS

Suatu perkara yang menarik daripada tradisi itu adalah tidak pudar dengan asakan modenisme dalam budaya hidup di kota

besar seperti Kuala Lumpur. Disebabkan itu sebahagian besar warga kota yang berasal dari kampung memastikan tradisi itu terus diamalkan dan terpelihara.

Kuala Lumpur antara kota yang menjadi lubuk rezeki kepada perantau. Sama seperti Singapura pada tahun 1940-an dan 1950-an dulu, Kuala Lumpur menjadi tumpuan daripada segenap pelok daerah dan kampung sebagai tempat mengubah hidup dari sudut sosial dan ekonomi.

Kuala Lumpur yang membangun dengan pesat juga menggerakkan mobiliti sosial secara besar-besaran seawal dekad 1970-an hingga kini. Dengan peluang pekerjaan yang luas dalam semua sektor, Kuala Lumpur menjadi sebuah ibu negara yang paling menjadi tumpuan.

Keadaan itu menjadikan sebahagian besar warga Kuala Lumpur adalah perantau. Sekalipun sudah berkeluarga dan 'berkampung' di kota metropolitan itu dan sebatian dengan rutin hidup yang bergerak pantas, mereka tetap memiliki ikatan batin yang kuat dengan kampung halaman. Apa lagi yang masih mempunyai sanak saudara dan kawan-kawan lama.

Sambutan hari raya telah senama dengan



TRADISI balik kampung menyambut Hari Raya Aidilfitri mengunjur dari generasi ke generasi yang mempunyai asal usul dari kampung.

popularnya lagu Dendang Perantau ciptaan P. Ramlee dan lirik oleh S Sudarmaji. Lagu syahdu itu menyingkap budaya orang Melayu di Nusantara iaitu merantau. Amalan itu merupakan satu proses kehidupan yang bukan asing dalam kalangan orang Melayu sejak zaman dahulu.

Sama ada dalam skala yang kecil atau besar, merantau adalah proses memantapkan diri dengan pengalaman di luar garis lingkungan tanah kelahiran yang didampingi oleh keluarga serta sanak saudara. Apabila merantau, sang perantau mesti berdepan dengan satu kehidupan yang baharu dan asing serta penuh cabaran.

Merantau bererti keluar meninggalkan zon selesa iaitu kampung halaman dan sanak keluarga ke satu daerah yang baharu untuk mencari pengalaman, mencipta kejayaan selain daripada memahirkan diri berdepan cabaran. Hal itu kerana salah satu asas kejayaan adalah melepasi rintangan dan cabaran.

Lagu Dendang Perantau mempunyai

pertautan rapat dengan budaya merantau dalam masyarakat Melayu. Ketika lagu Dendang Perantau dicipta pada dekad 1950-an, mobiliti sosial dalam kalangan orang kampung ke kota besar tidak pesat seperti sekarang.

Keadaan ini berubah apabila Kuala Lumpur misalnya membuka banyak peluang pekerjaan pada 1970-an dan semakin pesat pada 1980-an. Mobiliti sosial berlaku dengan rancaknya di mana anak muda dari kampung memilih Kuala Lumpur sebagai destinasi untuk mengubah hidup.

Sekalipun kehidupan di Kuala Lumpur amat mencabar, ibu kota itu adalah tumpuan perantau datang mencari rezeki. Masing-masing meredah kehidupan yang sama sekali berbeza dengan kampung – berdikari dalam semua hal kehidupan. Biar pun ada jalan putih dan juga hitam, perantau yang sebenar memilih yang membawa keberkatan.

Walaupun sudah banyak yang sudah 'berkampung' di Kuala Lumpur, tetapi teras keluarga dan saudara-mara masih di kampung. Lagu Dendang Perantau menjadi semakin besar signifikannya dengan keadaan sosial semasa ketika menjelang hari raya.

Kuala Lumpur digerakkan oleh perantau yang berkelana dari utara, selatan dan timur. Maka tidak hairanlah Dendang Perantau semakin menepati keadaan sosial semasa dalam konteks merantau dan hari raya. Lagu ini menyemarakkan ingatan pada kampung halaman dalam suasana hari raya - hari keraian yang paling besar bagi orang Melayu pada sudut budayanya.

Dendang Perantau melampaui roman percintaan, tetapi sebuah hambatan rasa yang membawa semua anak rantau kembali pada alam dan tradisi di kampung kelahiran. Lirik yang mudah tetapi membawa maksud yang dalam menjadikan Dendang Perantau sebagai suara syahdu yang menggigit pulang anak-anak kampung di perantauan.

Lukisan alam di kampung halaman yang belum tercemar oleh modenisasi dalam lagu itu meninggalkan kesan yang sangat nostalgik, tidak kurang ingatan kepada ayah dan bonda. Rasa seperti segera terhantar ke masa lalu yang indah semuanya. Kepada yang pernah merentas kehidupan kampung yang jauh daripada hiruk-pikuk kota pasti dapat menyelami lukisan alam dalam Dendang Perantau.

Lagu itu membawa perantau mengenang kembali alam kampung yang tenang dan damai, danau dan tepian mandi menjadi lambang nilai yang asli. Selain ayah dan bonda yang menunggu dalam seksa rindu di jendela, alam itulah yang menggigit perantau yang dulunya anak-anak kecil yang pernah berlari di dadanya.

Dendang Perantau telah mengikat kukuh dua tradisi yang ada dalam sanubari orang Melayu – perantau dan hari raya. Kedua-dua ini diangkat dengan penuh perlambangan mengembangkan wacana mobiliti sosial anak kampung ke kota besar.

Tanpa disedari, hari raya pula telah menjadi sebahagian daripada pesta budaya orang Melayu. Mereka memastikan akar umbi budaya dan tradisi tidak terabai pada hari kebesaran itu. Maka setidak-tidaknya setahun sekali mereka kembali menjadi 'Melayu' dengan busana tradisi dan kunjung-mengunjungi yang mengeratkan hubungan keluarga.

Hari raya dan kampung halaman menjadi satu pertautan yang sukar dipisahkan. Malah maksud beraya bagi orang Melayu adalah menyambut acara yang penuh kemeriahan di kampung bersama-sama sanak saudara. Di Kuala Lumpur hanya ada keluarga, tetapi tidak ada sanak saudara dan akar keturunan.

Walaupun begitu sesetengah kampung halaman telah berubah wajah dan sudah tidak ada lagi wajahnya yang dulu. Sekalipun hilang di mata tetapi kenangan itu tersimpan sempurna dalam jiwa. Suatu hari pada hari raya kita kembali ke pangkal kenangan sambil memaut kukuh sebuah ikatan antara generasi.


Oleh itu, selagi ada kudrat dan kemampuan, balikhlah beraya di kampung halaman. Apa lagi yang masih ada ibu dan ayah. Bijaklah mengatur giliran antara kampung suami dan isteri.

Tradisi itu amat manis dan perlu juga diamalkan dengan penuh adab. Maka usahlah menjadi 'orang Kuala Lumpur' apabila berada di kampung halaman. Setidak-tidaknya balik ke kampung halaman dalam suasana hari raya boleh mengingatkan kita pada diri yang dulu yang mungkin hilang dalam kesibukan mencari rezeki di Kuala Lumpur.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera:
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.
 Tel: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com

PASUKAN TENTERA SIBER PERLU SEGERA DIWUJUDKAN

ZULKIFLI SULONG

LANGKAH kerajaan mempertimbangkan sama ada ia perlu mewujudkan angkatan tentera siber perlu disokong sepenuhnya. Ini kerana, inilah medan peperangan yang utama sekarang.



PENULIS BEBAS

Oleh itu rasanya, cadangan ini tidak perlu dipertimbangkan lagi tetapi menyusun segala strategi dan keperluan kelengkapan kepada pasukan tentera siber ini.

Memang ada peperangan bersenjata secara konvensional yang berlaku di serata dunia sekarang tetapi dalam konteks Malaysia,

inilah ancaman sebenar yang dihadapi oleh negara.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri mengaku ancaman siber ini sedang dihadapi negara.

Beliau mendedahkan sistem digital Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah diserang baru-baru ini dengan penggadam menuntut bayaran AS\$10 juta.

Beliau berkata kerajaan bagaimanapun tidak tunduk kepada ugutan itu, selain menyatakan keperluan meningkatkan sistem negara dengan dana tambahan kepada beberapa agensi termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Bank Negara Malaysia (BNM).

"Semalam kita bicar tentang serangan siber dan *hacking* (godam) dan agak berat terhadap MAHB. Jadi perbincangan bagaimana menyelesaikan, termasuk tuntutan daripada penggadam untuk memperoleh dana AS\$10 juta atau sebagainya, saya dimaklumkan.

"Saya tak tunggu lima saat. Saya terus jawab 'no'. Tidak mungkin negara ini akan selamat kalau pimpinan dan sistemnya mengizinkan kita tunduk kepada ultimatum penjenayah dan pengkhianatan," katanya pada Sambutan Hari Polis Ke-218 di Pusat Latihan Polis.

Jadi, apa yang diumumkan oleh Menteri Pertahanan bahawa kerajaan mempertimbangkan penubuhan pasukan ini, tidak perlu dipertimbangkan lagi. Ia perlu dilaksanakan segera.


SERANGAN siber kini menjadi ancaman kepada pertahanan negara.

Di Dewan Negara, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata angkatan tersebut akan dilengkapi dengan kepakaran teknikal tinggi dalam bidang perisikan ancaman siber, forensik digital, pertahanan siber aktif dan respons kejadian.

"Keupayaan ini membolehkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bukan sahaja bertindak balas terhadap serangan siber tetapi juga menghalang dan menetralkan ancaman sebelum ia memberi kesan terhadap operasi ketenteraan dan keselamatan negara," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara kepada Senator Amir Md Ghazali.

Kementerian Pertahanan melalui Kertas Putih Pertahanan telahpun menetapkan hala tuju bagi menjadikan ATM sebagai angkatan masa hadapan yang lebih bersepadu, tangkas dan berfokus menjelang 2030.

Khaled berkata ini termasuklah dalam menghadapi ancaman yang tidak dijangka iaitu ancaman keselamatan yang berlaku secara tiba-tiba dan sukar diramal, termasuk serangan siber, peperangan hibrid, serangan pengganas, penggunaan dron dalam peperangan, bencana alam dan konflik serantau.

"Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi

Pertahanan Negara turut menyenaraikan bidang fokus yang kritikal untuk diteroka dan diberikan perhatian agar sektor pertahanan negara berupaya berhadapan dengan perkara seperti Cyber Warfare, Unmanned Warfare, Drone Warfare dan kimia, biologi, radiologi dan nuklear atau CBRN Warfare.

"Untuk maklumat, kita kini memperuntukkan kira-kira 1.1 peratus daripada KDNK negara untuk tujuan pertahanan. Cadangan meningkatkan perbelanjaan pertahanan ini seiring dengan pendekatan negara jiran yang memberi keutamaan tinggi kepada sektor pertahanan bagi melindungi kepentingan negara yang berdepan cabaran semakin kompleks pada masa kini dan masa hadapan.

"Kerajaan sentiasa prihatin terhadap keselamatan dan kedaulatan negara, terutamanya dalam menghadapi ancaman yang semakin kompleks dan dinamik dan dalam hal ini, kerajaan sentiasa menimbang untuk meningkatkan perbelanjaan pertahanan negara," katanya.

Kalau selama ini ancaman siber hanya ditangani oleh jabatan-jabatan tertentu sahaja, tentera kita juga perlu ada satu pasukan tentera siber yang sedia mempertahankan

negara.

Saya yakin, tentera siber bukan bertugas untuk mempertahankan ancaman dari luar juga, tetapi jika perlu bersedia berperang untuk mempertahankan negara dari ancaman dalam negara sendiri.

Betul polis sudah ada pasukannya sendiri, tetapi jika kita ada tentera siber yang terletak di bawah Kementerian Pertahanan, ia akan lebih berkesan lagi.

Pasukan ini boleh menjadi pasukan pertahanan yang ampuh dari sebarang ancaman kepada negara.

Serangan siber dan penyebaran berita tidak benar serta maklumat palsu adalah antara cabaran besar kepada kestabilan sesebuah negara.

Justeru, Mohamed Khaled menegaskan sistem keselamatan dan pertahanan negara perlu serius dan diperkukuhkan dengan sistem teknologi maklumat yang terkini bagi memastikan keselamatan dan keharmonian sentiasa terpelihara.

Katanya ancaman seumpama ini khususnya penyebaran maklumat palsu hingga menyebabkan perpecahan antara bangsa dan agama oleh pihak tidak bertanggungjawab boleh menjejaskan keyakinan dan kepercayaan masyarakat terhadap institusi utama termasuk ATM.

"Jika kepercayaan terhadap institusi keselamatan kita terhakis, ia dikhuatiri boleh menjejaskan dan mengganggu keharmonian antara masyarakat hingga boleh menyebabkan perpecahan.

"Suasana ini juga akan menghalang pasukan keselamatan kita melaksanakan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan," katanya pada Majlis Berbuka Puasa, Menteri Pertahanan bersama pengamal media pada 26 Mac lepas beberapa hari selepas kenyataan beliau di Dewan Negara.

Jadi sekarang, kita berharap semua pihak memberikan sepenuh kerjasama kepada Kementerian Pertahanan bagi memastikan tentera kita mempunyai ketumbukan tentera yang khusus untuk menangani serangan siber.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

AwAS pantau pemandu



Waspada balik beraya

TENTU ramai yang balik kampung untuk menyambut Aidilfitri melalui lebuh raya. Kawan-kawan Kedai Kopi ingin ingatkan mereka agar berhati-hati ketika memandu, elak melanggar peraturan lalu lintas.

Ingatan ini bukan sahaja untuk keselamatan diri, tetapi mengelakkan pengguna berdepan tindakan undang-undang. Semua tingkah laku ketika memandu akan dirakam, termasuk memandu melebihi had laju hingga membahayakan orang lain.

Rakaman ini melalui kamera Sistem Keselamatan Kecederaan Automatik (AwAS). Sebanyak 17 lokasi di sepanjang Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) dipasang AwAS.

Lokasi kamera ke arah utara ialah Kuala

Muda (KM97.2), Bandar Baharu (KM174), Taiping (KM204.6), Kampar (KM299.9), Slim River (KM375.9), Kajang (KM301.6), Alor Gajah (KM214.4), Jasin (KM184.2), Pagoh (KM151.4) dan KM1 Johor Bahru.

Untuk laluan ke selatan, kamera dipasang di Kuala Muda (KM96.3), Seberang Perai Selatan (KM166), Alor Gajah (KM214.4), Behrang (KM328.8), Bemban (KM185), Pagoh (KM146.8) dan KM 1 Johor Bahru.

Kawan-kawan Kedai Kopi senaraikan lokasi AwAS sebagai panduan kepada pemandu agar sentiasa beringat ketika memandu. Jika sudah diberi maklumat tetapi pemandu tetap melanggar peraturan, apakan daya. Tanggunglah akibatnya.

SELEPAS sebulan berpuasa menunaikan rukun Islam ketiga, kini tiba Aidilfitri, hari untuk bergembira sebagai meraikan kemenangan mengharungi pelbagai cabaran dan ujian sepanjang Ramadan.

Syukur kepada Allah yang memberikan rezeki dan peluang untuk kita berpuasa dan seterusnya menyambut Aidilfitri.

Aidilfitri bukan sahaja untuk bergembira tetapi mengukuhkan silaturahim dengan kaum keluarga, saudara-mara dan rakan taulan.

Kawan-kawan Kedai Kopi teringat seronoknya berhari raya di kampung bersama keluarga dan saudara-mara serta kawan-kawan. Mengunjungi saudara-mara dan kawan menjadi rutin mesti, terutama

keluarga terdekat.

Kerana itu balik kampung satu kemestian bagi anak desa yang mencari rezeki di perantuan, apatah lagi jika masih ada ibu bapa.

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya, ketika ini sudah ramai yang bergerak balik ke kampung halaman menuju ke destinasi masing-masing. Balik awal boleh mengelak kesesakan.

Harapan kawan-kawan Kedai Kopi, dalam kerianan untuk menyambut hari raya, sentiasa jaga diri. Berwaspada di jalan raya. Ingat ayah ibu yang menunggu. Pandu cermat insya Allah selamat. Semoga selamat sampai ke pangkuan keluarga. Selamat Hari Raya, Maaf Zahir Batin.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyampaikan anugerah balai polis cemerlang MCPF 2024 pada Sambutan Peringatan Hari Polis ke-218 di Pulapol, Kuala Lumpur.



ISTERI Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menghadiri Program Nur Ramadan Peringkat Parlimen Bandar Tun Razak dan turut menyampaikan sumbangan kepada 300 orang asnaf, kurang upaya dan ibu tunggal.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa menghadiri Kempen Sifar Sisa @ Bazar Ramadan 2025 di Jalan Raja Alang, Kampung Bharu. Hadir sama Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif.



MENTERI Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu menerima kunjungan hormat daripada Wakil Perdagangan Thailand, Tuan Yang Terutama Chai Wacharonke serta delegasi dari Thailand di Wisma Tani, Putrajaya.



MENTERI Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin mengadakan lawatan kerja ke Malaysian Institute of Defence and Security (MiDAS) yang juga merupakan lawatan pertamanya sejak dilantik.



MENTERI Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi mengadakan lawatan kerja ke syarikat konsesi penyenggaraan jalan raya di Selangor, Infrasel Sdn Bhd bagi melihat sendiri kecanggihan teknologi yang digunakan dalam memantau keadaan jalan raya.



JAUHI JUDI DALAM TALIAN



JANGAN TERPEDAYA DENGAN JANJI
“WANG BESAR”

JUDI DALAM TALIAN ADALAH SALAH DI SISI UNDANG-UNDANG
MALAH BOLEH MENYEBABKAN AKAUN ANDA DIBEKUKAN



Suruhanjaya Komunikasi
dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



skmm_mcmc



MCMCTV



MD FADZLI (kiri) menyampaikan replika cek bantuan agihan makanan berbunckus bernilai RM1.6 juta dan disaksikan oleh Simsudin (tengah).

MAIWP peruntukkan RM1.6 juta

AGIHAN BANTUAN MAKANAN ASNAF

KHAIRUL IDIN

MAJLIS Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Labuan memperuntukkan sejumlah RM1.6 juta bagi pelaksanaan inisiatif agihan bantuan makanan berbunckus kepada golongan asnaf.

Menurut Pengurus MAIWP Labuan, **Md Fadzli Md Saad**, inisiatif secara tahunan itu membolehkan penyediaan sebanyak 144,000 bunckus makanan dengan agihan 600 pek sehari selama 20 hari setiap tahun.

Katanya agihan makanan tersebut dilaksanakan oleh pengendali makanan yang telah dilantik dan bertujuan memastikan golongan asnaf mendapat makanan mencukupi.

"Inisiatif ini dilaksanakan selama setahun bermula Januari hingga Disember ini dan agihan dibuat lima hari seminggu melibatkan tiga zon di Labuan.

"Bantuan ini merupakan inisiatif MAIWP dalam menyantuni asnaf, golongan terjejas dan golongan B40 bagi mendapatkan bekalan makanan secara percuma.

"Di samping itu, ia membantu meringankan beban asnaf dalam menampung perbelanjaan untuk membeli keperluan makanan harian," katanya pada Majlis Iftar Bersama Asnaf baru-baru ini.

Yang turut hadir Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan, Simsudin Sidek.

Pada majlis tersebut, MAIWP

menyampaikan bantuan bernilai RM50,000 kepada Surau Fath Al-Bari Pusat Koreksional Labuan bagi pelaksanaan program pendidikan dan kerohanian prospek.

Selain itu, seramai 720 asnaf dan keluarga diraikan yang terdiri daripada penerima bantuan Bulanan Sara Hidup MAIWP, ibu tunggal, warga emas serta asnaf yang mempunyai tanggungan ramai.

Seramai 240 ketua keluarga menerima sumbangan bakul makanan dengan jumlah kos keseluruhan RM36,000 manakala 100 anak asnaf turut menerima sumbangan duit raya RM50 seorang daripada MAIWP.

Terharu terima rumah PPRS

SEORANG suri rumah bersama suami dan empat anak yang tinggal di rumah kediaman usang dan sempit, sebak dan terharu selepas menerima rumah Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS) di Kampung Lajau, Labuan.

Mariniwati Ab Rajan, 40, menganggap rumah sumbangan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) itu merupakan hadiah paling berharga diterimanya dan menjadi lembaran baharu kepada kehidupan keluarganya.

Katanya sebelum ini dia sekeluarga terpaksa tinggal di kediaman yang usang dan tidak mampu untuk membaik pulih rumah tersebut.

"Lebih daripada 10 tahun kami anak-beranak tinggal di rumah ini dalam keadaan kesusahan dan sempit kerana rumah lama ini hanya ada ruang tempat tidur sahaja dan tidak ada tandas mahupun dapur.

"Jika kami mahu menggunakan dapur atau tandas, kami terpaksa menumpang di rumah ibu bapa saya

yang berada bersebelahan," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Mariniwati berkata apabila rumah baharu PPRS itu siap, sudah tentu ia memberikan keselesaan kepadanya sekeluarga kerana dilengkapi dapur serta tandas.

"Saya dan suami amat bersyukur dan ucapkan terima kasih kepada kerajaan khususnya KKDW dengan pemberian rumah baharu," katanya.

Sementara itu, KKDW meluluskan peruntukan bagi pelaksanaan PPRS membabitkan 30 buah rumah baharu dan 50 buah rumah dibaik pulih di Labuan

pada tahun lalu.

Menurut Setiausaha Politik Menteri, Datuk Mohd Razlan Muhamad Rafii, program Touch Point itu mencerminkan fokus dan komitmen kerajaan bagi membantu keluarga miskin dan miskin tegar di luar bandar di seluruh negara.



MARINIWATI



MOHD RAZLAN (dua dari kiri) meneliti perkembangan pelan lakaran rumah.

Kes penyelamatan di Labuan menurun



ABD RAHMAN ketika berucap pada Program Kempen Keselamatan Kebakaran dan Pelancaran Op Rondaan Sempena Musim Perayaan Aidilfitri.

JABATAN Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Labuan merekodkan penurunan jumlah kes penyelamatan sebanyak 16.3 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Menurut Pengarah JBPM Labuan, **Abd Rahman Ali**, berdasarkan rekod pada 2023 sebanyak 627 kes dicatatkan dan jumlah itu menurun kepada 525 kes pada tahun lalu.

Katanya penurunan tersebut mencerminkan keberkesanan langkah pencegahan serta peningkatan kesedaran keselamatan dalam kalangan masyarakat.

"Dalam tempoh lima tahun (2020-2024), jumlah kes kebakaran menunjukkan pola turun naik. Sebanyak 182 kes direkodkan pada 2020, menurun kepada 83

kes pada 2021.

"Namun angka ini meningkat semula kepada 165 kes pada 2022 dan 196 kes pada 2023. Pada tahun 2024, jumlah kes kebakaran melonjak kepada 360 kes.

"Ini menunjukkan keperluan mendesak untuk terus meningkatkan langkah-langkah pencegahan kebakaran," katanya kepada pemberita pada Program Kempen Keselamatan Kebakaran dan Pelancaran Op Rondaan Sempena Musim Perayaan Aidilfitri, baru-baru ini.

Yang turut hadir Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan, Simsudin Sidek.

Mengulas lanjut mengenai rondaan dan keselamatan, Abd Rahman berkata pihaknya terus mempergiat rondaan di lokasi-

lokasi *hots pot* yang dikenal pasti di samping memastikan penguatkuasaan undang-undang dilaksanakan dengan lebih efektif.

Katanya sepanjang musim perayaan ini pihaknya memperhebatkan operasi Bilik Gerakan Operasi serta meningkatkan jadual rondaan di semua Balai Bomba dan Penyelamat.

"Selari dengan tiga aspek yang difokuskan iaitu mempertingkatkan pencegahan kebakaran, keselamatan di jalan raya dan keselamatan aktiviti di air.

"Untuk mencapai matlamat tersebut, cuti anggota JBPM telah dihadkan untuk memastikan dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat di pulau ini," katanya.

Rakyat sejahtera, harmoni

PUTRAJAYA BANDAR BAHAGIA

SABRINA SABRE

PUSAT pentadbiran Persekutuan, Putrajaya, diumumkan sebagai Bandar Paling Bahagia dalam kategori Majlis Perbandaran dan Bandaraya sempena Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia Peringkat Kebangsaan 2025.

Daerah Telupid, Sabah pula dinobatkan sebagai Bandar Paling Bahagia 2025 menewaskan penyandang terdahulu, Cameron Highlands.

Menurut Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **Nga Kor Ming**, Indeks Kebahagiaan Malaysia catat peningkatan sebanyak lima mata, iaitu daripada 83.3 peratus pada 2020 kepada 88.84 peratus pada 2025.

“Walaupun Kerajaan MADANI sentiasa cakna dan komited dalam membangunkan ekonomi negara, kita lebih menitikberatkan kebahagiaan rakyat.

“Ekonomi yang pesat berkembang tidak bermakna jika rakyat tidak berasa bahagia,” katanya.

Beliau berkata Indeks Kebahagiaan Bandar di negara ini mula dilaksanakan pada 2015 melalui sistem MURNInets dan mengikut kriteria yang diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

“Kriteria pengukuran indeks itu selaras dengan pengukuran kebahagiaan di peringkat dunia



KOR MING (tengah) bersama Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Fadlun Mak Ujud (tiga kiri) yang mewakili Putrajaya selepas dinobatkan sebagai Bandar Paling Bahagia bagi kategori Majlis Bandaraya dan Perbandaran.

yang memberi fokus kepada pelbagai aspek seperti tahap tekanan hidup, tahap kesihatan, hubungan kekeluargaan serta kepuasan terhadap kemudahan dan kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh pemimpin setempat.

“Dapatan terkini itu mendapati sebahagian besar bandar di Malaysia

menunjukkan peningkatan dari segi indeks kebahagiaan selaras usaha berterusan kerajaan dalam menyediakan persekitaran yang lebih kondusif.

“Saya difahamkan bagi pengukuran Indeks Kebahagiaan 2025, sebanyak 153 pihak berkuasa tempatan (PBT) telah menyertai

kaji selidik indeks ini. Tahniah saya ucapkan.

“Dari segi pencapaian, 75 peratus bandar telah mencapai Tahap Bahagia dan 25 peratus mencapai Tahap Sederhana Bahagia. Ini jelas menunjukkan peningkatan positif dalam usaha kita mewujudkan komuniti yang lebih harmoni dan

inklusif,” katanya dalam satu kenyataan.

Dalam masa sama, berkongsi inisiatif Kerajaan MADANI bagi meningkatkan kebahagiaan rakyat, Kor Ming berkata antara usaha yang dilaksanakan adalah mencapai sasaran membina 500,000 unit Rumah Mampu Milik (RMM), melaksanakan 6,000 projek pembangunan infrastruktur awam asas serta menutup 2,500 tapak pelupusan sampah haram.

“Kerajaan MADANI terus komited dalam memastikan kesejahteraan rakyat kekal sebagai keutamaan menerusi pelbagai inisiatif berimpak tinggi untuk dinikmati oleh semua lapisan rakyat,” katanya.

Mengenai aspek perancangan dan pembangunan bandar, beliau berkata PLANMalaysia terus komited melaksana dan merealisasikan perancangan bandar serta desa yang seimbang, terangkum, pintar, berkonsepkan bandar rendah karbon dan mampan.

“Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertekad menjadikan Malaysia sebagai negara yang bersih, selamat dan dicintai oleh semua.

“Dengan semangat ‘Prihatin dan Kebersamaan’, marilah kita terus berganding bahu membina negara yang lebih bahagia, harmoni dan sejahtera untuk semua.” katanya.

Petugas barisan hadapan terima sumbangan

SERAMAI 250 petugas barisan hadapan yang berkhidmat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Putrajaya menerima sumbangan Aidilfitri berjumlah RM50,000 daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerusi Sumbangan Kasih MADANI Aidilfitri.

Sumbangan tersebut diserahkan oleh Setiausaha Politik kepada Menteri Kewangan, **Muhammad Kamil Abdul Munim** sebagai tanda penghargaan Perdana Menteri kepada petugas barisan hadapan yang bertungkus-lumus menjaga keamanan dan keselamatan tanpa mengira waktu.

“Saya fikir antara yang membuatkan Perdana Menteri setuju untuk beri sumbangan ini kerana menghargai jasa dan sumbangan kepada petugas barisan hadapan ini.

“Hari ini sumbangan sebanyak RM50,000 yang merupakan peruntukan khas Perdana Menteri akan diagihkan kepada 250 penerima,” katanya pada Majlis Iftar dan Penyerahan Sumbangan Kasih MADANI Aidilfitri di IPD Putrajaya.

Berkongsi pesanan Perdana Menteri kepada warga IPD Putrajaya, Muhammad Kamil berkata Anwar menyatakan jasa dan sumbangan petugas barisan hadapan amat bermakna kerana mengutamakan tugas tanpa mengenal erti penat

serta lelah.

“Dalam hal ini, pihak berkuasa terutamanya Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan tugas dengan baik dalam membasmi hal-hal berkaitan jenayah dan mengelakkan daripada perkara-perkara yang lebih buruk,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Putrajaya, Asisten Komisioner Aidi

Sham Mohamed berkata sumbangan yang dihulurkan kepada 250 warga IPD Putrajaya itu sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban mereka dalam membuat persediaan sambutan Aidilfitri.

“Saya ucap terima kasih atas sumbangan yang diberikan, yang mana ia sangat memberi makna dan dapat meringankan beban

penerima yang kebanyakannya sudah berkeluarga.

“Saya berharap majlis iftar ini akan menjadi jambatan penghubung silaturahim antara warga IPD

Putrajaya dan warga Pejabat Perdana Menteri.

“Kami berbangga kerana terpilih untuk menjadi tuan rumah kepada program murni ini,” katanya.



MUHAMMAD KAMIL (tengah) menyampaikan sumbangan kepada petugas barisan hadapan di IPD Putrajaya.

MAKLUMAN

PENUTUPAN SEMENTARA KEMUDAHAN KOMPLEKS SUKAN, PUSAT PEMBELAJARAN KEJIRANAN DAN KOMPLEKS KERJIRANAN SELIAAN PPJ SEMPERNA HARI RAYA AIDILFITRI 2025

| LOKASI | TARIKH TUTUP | TARIKH DIBUKA SEMULA |
|--|----------------------------|----------------------|
| TAMAN CABARAN PUTRAJAYA, PRESINT 5 | 29 MAC 2025 - 4 APRIL 2025 | 5 APRIL 2025 |
| KOMPLEKS SUKAN AIR PRESINT 6 | 29 MAC 2025 - 4 APRIL 2025 | 5 APRIL 2025 |
| KOMPLEKS FUTSAL PRESINT 11 | 29 MAC 2025 - 4 APRIL 2025 | 5 APRIL 2025 |
| KOMPLEKS SUKAN TAMAN PANCARONA | 29 MAC 2025 - 4 APRIL 2025 | 5 APRIL 2025 |
| PUSAT PEMBELAJARAN KEJIRANAN PRESINT 8, 9, 11 & 16 | 29 MAC 2025 - 4 APRIL 2025 | 5 APRIL 2025 |
| KOMPLEKS KEJIRANAN PRESINT 9, 11 & 16 | 29 MAC 2025 - 4 APRIL 2025 | 5 APRIL 2025 |
| DEWAN SERBAGUNA PRESINT 8 | 29 MAC 2025 - 4 APRIL 2025 | 5 APRIL 2025 |

SELAMAT HARI RAYA AJDJIJITR

BAHAGIAN PERKHIDMATAN KOMUNITI & SUKAN
JABATAN PERKHIDMATAN BANDAR
PERBADANAN PUTRAJAYA

“PERKHIDMATAN PERKUBURAN & KREMATORIUM BEROPERASI SEPERTI BIASA”

Isu tunggakan gaji pemain Liga Malaysia

BERI IMPAK, PERSPEKTIF NEGATIF

SERIMAH SALLEHUDDIN

ISU tunggakan gaji pemain Liga Malaysia (Liga M) bakal memberikan impak dan perspektif negatif terhadap industri sukan bola sepak liga tempatan sekiranya tidak diselesaikan dalam kadar segera.

Tunggakan gaji pemain yang dikatakan mencecah puluhan juta dengan sekurang-kurangnya 12 pasukan terjejas sehingga kini masih menemakan jalan buntu.

Ia menyebabkan sesetengah pemain terpaksa menjalankan perniagaan secara dalam talian dan menjadi penghantar makanan demi kelangsungan hidup.

Presiden Persatuan Pemain Bolasepak Profesional Malaysia (PFAM) yang juga bekas penyerang kebangsaan, **Safee Sali** mengakui bersimpati dengan nasib yang menimpa pemain terbabit.

Katanya isu itu sudah berlarutan lama menyebabkan ia mengambil masa untuk diselesaikan.

Kes itu katanya sudah dibawa ke Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) namun prosesnya mengambil masa.

Safee turut melahirkan kebimbangan isu tunggakan gaji pemain bola sepak bakal menimbulkan keraguan kepada generasi muda untuk berkecimpung dalam sukan itu disebabkan masa depan yang samar.

"Kesedaran untuk melakukan tanggungjawab membayar gaji pemain paling utama sekali perlukan pendidikan yang lebih lagi.

"Terus terang saya kasihan apabila ada pemain terpaksa



SAFEE risau dengan isu tunggakan gaji bakal memberi kesan kepada minat anak muda terhadap sukan bola sepak.

menjual air balang dan berniaga di bazar Ramadan bagi menampung kekurangan.

"Itu tidak mencerminkan karier sukan bola sepak ke arah yang baik, sebaliknya apa yang menimpa industri bola sepak akan memberi kesan serta menyebabkan generasi muda tidak berkecimpung dalam sukan bola sepak," katanya.

Perkara itu juga akan turut mempengaruhi keyakinan ibu bapa untuk memberi keizinan kepada anak mereka berkecimpung dalam dunia bola sepak dan menjadikan ia sebagai satu kerjaya berikutan pelbagai masalah yang timbul.

"Bukan generasi muda saja, ibu bapa juga pastinya ragu-ragu dan melarang anak-anak memilih kerjaya

sebagai pemain bola sebaliknya galakkan mereka sambung belajar supaya dapat kerja yang lebih bagus dan masa depan lebih terjamin.

"Itu persepsi yang saya risaukan dari dulu. Memang ternyata betul, realitinya ramai memilih bekerja dalam industri p-hailing kerana dapat jana pendapatan yang lebih.

"Pada waktu sama, struktur liga

yang lompong menyebabkan bakat kita ramai yang lari.

"Ini perkembangan yang tidak bagus untuk bola sepak kita, sebab ada yang mula suarakan buat apa main bola sepak lebih baik buat p-hailing," katanya yang mengharapkan ada penyelesaian baik berkaitan isu tunggakan gaji.

Sementara itu, berkongsi pandangan mengenai skuad Harimau Malaya, Safee yang pernah meraih gelaran penyerang prolifik dalam pasukan itu teruja dengan penyertaan bintang warisan baharu yang dilihat bakal memperkuat skuad kebangsaan itu.

"Penglibatan Pemangku Sultan Johor, Tunku Mahkota Ismail adalah sesuatu yang amat baik.

"Saya berharap benda ini berhasil seperti yang dirancang, meski bukan 100 peratus, sekurang-kurangnya ada kemanisan dan kemenangan yang bermakna untuk pasukan Harimau Malaya," katanya.

Penjaring terbanyak Piala AFF 2010 itu juga berkata kita ketandusan penyerang yang baik.

"Memang bola sepak mengalami ketandusan nombor 9, kita ketandusan penyerang dan boleh dikatakan hampir pupus.

"Bagi mengatasi masalah itu kita kena ada coach atau latihan yang khusus untuk penyerang saja.

"Kita ada ramai pemain tempatan yang boleh dilantik sebagai jurulatih seperti Datuk Zainal Abidin Hassan yang boleh bantu bangunkan bahagian penyerang," kata Safee.

Majukan sukan negara

TIMBALAN Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), **Jefri Ngadirin** mahu menggunakan segala pengalaman untuk memajukan sukan negara apabila memulakan tugas rasmi sebagai Ketua Pengarah baharu MSN pada 4 April ini.

Biarpun begitu, beliau yang berusia 52 tahun menyifatkan pelantikan tersebut satu tanggungjawab besar dan bukan tugas mudah.

Justeru beliau berazam untuk berusaha sebaik mungkin dalam memenuhi segala perancangan direncanakan bersama MSN.

"Saya bermula sejak zaman Datuk Wira Mazlan Ahmad dan diberi tanggungjawab memimpin Unit Sukan Teras sehingga zaman Datuk Dr Ramlan Abdul Aziz, Allahyarham Datuk Seri Zolkples Embong, Datuk Ahmad Shapawi Ismail dan akhir sekali Abdul Rashid Yaakub yang banyak beri panduan serta nasihat cara untuk menguruskan sukan.

"Saya rasa dengan pengalaman yang ada serta kerjasama semua pihak berkepentingan seperti Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Majlis Paralimpik Malaysia (MPM), Persatuan Sukan Kebangsaan (NSA),



PELANTIKAN Jefri (lima kiri) sebagai Ketua Pengarah MSN Ke-10 berkuat kuasa pada 4 April 2025.

Majlis Sukan Negeri, Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), kita dapat bersama memulakan langkah baharu bangunkan sukan negara," katanya.

Pada 20 Mac lalu, MSN mengumumkan pelantikan Jefri sebagai Ketua Pengarah ke-10 badan induk sukan negara itu.

Perkara itu diumumkan semasa Mesyuarat Lembaga Pengurusan MSN

yang dipengerusikan Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh.

Jefri memulakan kerjaya di MSN sebagai pegawai di Bahagian Pembangunan pada 1993 sebelum menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam Pentadbiran Perniagaan di University of Miami, Florida, Amerika Syarikat dan kembali meneruskan khidmat di MSN pada 1999.

Kejohanan MFL dimansuhkan

LIGA Bolasepak Malaysia (MFL) mengesahkan Kejohanan Piala MFL tidak akan dipertandingkan pada musim 2025-2026 selepas mendapat persetujuan sebulat suara Rakan Kongsi Liga untuk memansuhkan saingan bawah 23 tahun itu.

MFL memaklumkan keputusan itu dibuat menerusi perbincangan bersama Rakan Kongsi Liga yang terdiri daripada 13 Kelab Liga Super pada pertemuan 19 Februari lepas.

"Kejohanan untuk pembangunan pemain muda itu mula dipertandingkan pada 2023 dengan mendapat sokongan Konfederasi Bolasepak Asia (AFC) dan setiap kelab diwajibkan memiliki skuad Piala MFL bagi memenuhi kriteria Pelesenan Kelab.

"Walau bagaimanapun selepas dua musim, MFL mendapati pihak kelab menanggung perbelanjaan tinggi dari segi pembayaran gaji pemain dan operasi logistik sehingga mencecah RM28 juta bagi kos yang ditanggung keseluruhan kelab Liga Super.

"Dengan mengambil kira pandangan semua Rakan Kongsi Liga, MFL percaya keputusan untuk memansuhkan saingan Piala MFL ini perlu diambil dalam usaha mengukuhkan dan menstabilkan semula kedudukan kewangan kelab," katanya.

Dalam masa sama, MFL bersama Rakan Kongsi Liga juga bersetuju pemain berusia 20 hingga 23 tahun adalah tempoh pemain muda mula bersaing mendapatkan tempat dalam skuad utama berbanding bermain dalam pertandingan peringkat umur.

"Meskipun Piala MFL sudah tidak dipertandingkan lagi bermula musim depan, pembangunan pemain muda masih menjadi keutamaan dengan skuad Piala Presiden (bawah 20 tahun) dan Piala Belia (bawah 18 tahun) kekal bersaing dalam kejohanan anjuran Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM)," jelas MFL.



ALIF bersama ahli keluarganya tetap seronok menyambut Aidilfitri biarpun di ibu kota.

ALIF SATAR SAMBUT LEBARAN DI IBU KOTA

SERIMAH SALLEHUDDIN

MENYAMBUT Aidilfitri di ibu kota sudah menjadi tradisi keluarga penyanyi dan juga pelakon **Alif Satar**.

Sebagai anak sulung daripada empat beradik, menjadi tanggungjawab penyanyi itu untuk memberi keutamaan kepada kedua orang tuanya.

Maka sejak 10 tahun lalu kata Alif dia akan pulang ke rumah ibu bapanya pada malam raya sehingga hari raya kedua.

Walaupun tidak merasa suasana desa, namun kata Alif kemeriahan hari raya tetap sama.

Lebih-lebih lagi apabila kediaman baru milik ibu dan bapanya berkonsepkan desa, sekali gus memberikan pengalaman hampir sama seakan-akan beraya di kampung.

"Selaku anak sulung lelaki kepada tiga adik perempuan, setiap kali hari raya sejak 10 tahun lalu saya akan pulang ke rumah keluarga pada malam raya.

"Kami akan tidur di sana biasanya hingga raya kedua. Tahun ini apa yang menyeronokkan kerana kami akan beraya di rumah baru ibu dan bapa saya.

"Setiap kali raya, rakan-rakan yang tidak pulang ke kampung halaman biasanya akan berkunjung ke rumah keluarga saya," katanya yang menerima kunjungan daripada penyanyi Faizal Tahir pada Syawal pertama tahun lalu.

Tak hanya Faizal, kata Alif rumah ibu bapanya sudah menjadi seperti 'markas' untuk sanak saudara dan rakan-rakannya berkumpul.

Hidangan wajib yang akan disediakan ibunya adalah laksa utara.

"Bagi saya kemeriahan raya langsung tidak berkurang, sebaliknya keseronokan tetap dirasakan walau di mana saja kita berada tak kira menyambutnya di kampung atau bandar.

"Biasanya rumah mama akan penuh pada hari raya kedua, jadi kami sekeluarga memang tak dapat ke mana-mana pada hari itu kerana sibuk melayan tetamu.

"Kebetulan rumah baru mama berkonsepkan ala-ala kampung, jadi dapat jugalah anak-anak merasa seperti suasana di kampung," katanya.

Menurut Alif mereka sekeluarga masih mempunyai sanak saudara di sekitar Pulau Pinang dan Kedah.

Sesekali mereka ada juga menziarahi sanak saudara di sana, yang secara tidak langsung memberi 'vibes' balik kampung kepada anak-anaknya.

"Mungkin kami dah terbiasa beraya di sini, jadi kami tetap rasakan keseronokannya.

"Lagipun saya tak bercuti lama tahun ini, daripada menghadap kesesakan lama-lama hingga anak hilang mood, lebih baik menyambut raya di sini saja," katanya.

Sementara itu, Alif baru saja melancarkan lagu raya terbaharunya berjudul Senyum Senyum Raya bersama The Locos.

Kata Alif dia sangat teruja apabila buat pertama kalinya merakamkan lagu raya dan melakonan muzik video raya bersama The Locos.

"Saya memang sangat teruja dapat bergabung bersama The Locos untuk projek muzik video. Ini merupakan pengalaman pertama anggota The Locos yang lain berlakon.

"Walaupun sekejap tetapi ia satu pengalaman yang menyeronokkan.

"Lagu Senyum Senyum Raya bertujuan menggalakkan supaya kita tersenyum dan lebih menyeronokkan lagi apabila terdapat pembabitan pelakon veteran dalam muzik video ini," katanya.

Lagu Senyum Senyum Raya adalah sempena kempen raya, Hong Leong Bank dan Hong Leong Islamic Bank di mana Alif merupakan duta kepada syarikat kewangan itu.

Lagu itu adalah hasil ciptaan Yusuff Khan, Adam Armin, Adly Kiddy dan Ja'a serta dinyanyikan oleh Alif Satar & The Locos. 

Anak-anak jadi keutamaan

BIDUANITA Negara, **Datuk Seri Siti Nurhaliza** memberitahu bahawa perayaan Aidilfitri pada tahun ini lebih memberi keutamaan kepada anak-anaknya iaitu Aafiyah dan Afwa.

Menurut pelantun lagu Nazam Lebaran, persediaan kali ini lebih kepada anak-anak dan bagi dirinya hanya sederhana sahaja.

"Apa-apa pun anak-anak sentiasa menjadi keutamaan. Saya percaya ibu-ibu lain pun macam itu juga.

"Begitu juga dengan saya, apabila sudah ada dua anak, jadi fokus saya memang kepada mereka.

"Dari segi pakaian, saya lebih fokus kepada anak-anak saya. Baju mereka mestilah *match* dengan saya dan ayah mereka.

"Untuk Aafiyah, memang setiap tahun saya beli kain lebih untuk saya dan Aafiyah pakai sedondon. Selain itu, ada baju-baju raya kasual juga.

"Afwa pula akan *matching* dengan ayah

dia. Janji warna baju yang dipakai haruslah sedondon dengan saya," katanya.

Bagi Siti, memandangkan hari raya diraikan selama sebulan, beliau juga membeli baju raya secara dalam talian yang menjadi trend masa kini.

"Untuk saya pula, baju raya saya sebenarnya baju yang saya pernah pakai. Baju raya baharu dalam tujuh pasang. Kalau nak tahu, saya pun ada beli baju secara *online*.

"Semua orang ada pilihan masing-masing. Bagi saya pula, sayang baju itu dipakai sekali. Sekurang-kurangnya dua kali. Saya dulu pernah pakai tiga kali baju raya yang sama," katanya.

Apa pun yang dilakukan, Siti mengingatkan peminat agar tidak membazir dan lebih cermat dalam perbelanjaan.

"Kalau boleh elakkan membazir. Misalnya baju-baju raya yang telah dipakai boleh digayakan dalam majlis selain hari raya

seperti majlis kenduri atau perkahwinan.

"Begitu juga persediaan kuih-muih sederhana sahaja. Makanan kegemaran saya sudah tentu rendang, ketupat dan nasi himpit kuah kacang. Tak lupa juga nasi minyak, masakan udang dan lain-lain.

"Tak dinafikan, ada juga makanan lain yang kita beli sahaja. Itu juga tanda sokongan terhadap peniaga-peniaga kuih yang lain.

"Raya ke mana? Macam biasa beraya dengan keluarga di Kuala Lumpur dulu. Kemudian baru pulang beraya di Kuala Lipis," katanya.

Apa yang istimewa tahun ini, Siti memenuhi permintaan peminat apabila muncul dengan lagu raya baharu berjudul Raya Nak Ke Mana?

Dalam pada itu, Siti menjelaskan lagu tersebut bukan bertujuan bersaing dengan penyanyi lain, sebaliknya sekadar mahu memeriahkan suasana Aidilfitri. 